

BAB 5

ANALISIS KESANTUNAN PERLAKUAN VERBAL DAN BUKAN VERBAL

Bab ini akan memaparkan analisis perlakuan verbal dan bukan verbal dalam majlis pertunangan. Analisis perlakuan verbal dan bukan verbal dibuat dengan mengenal pasti ciri-ciri perlakuan yang mampu menjaga muka semua pihak dalam rundingan pertunangan (struktur mikro) sehingga rundingan berakhir dengan matlamatnya tercapai.

Analisis perlakuan verbal dan perlakuan bukan verbal yang santun dalam kajian ini adalah berdasarkan beberapa parameter yang berpengaruh dan parameter yang dipengaruhi seperti yang dikemukakan oleh Allwood (1978).

5.1 Kesantunan Perlakuan Verbal

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis perlakuan verbal yang memainkan peranan penting dalam menentukan kelancaran rundingan pertunangan. Rundingan hanya lancar sekiranya para peserta yang berada dalam majlis tersebut mematuhi beberapa perlakuan verbal yang menjadi peraturan pertuturan khususnya peraturan dalam rundingan pertunangan. Peraturan tersebut bukan sahaja perlu dipatuhi oleh wakil-wakil yang menjadi jururunding, bahkan para hadirin yang sedang mengikuti rundingan juga perlu mematuhi peraturan tersebut. Antara aspek verbal yang dikaji adalah seperti yang berikut:

5.1.1 Konfigurasi Peranan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rundingan pertunangan bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh wakil utama yang dilantik oleh keluarga pasangan yang bertunang. Rundingan pertunangan tidak membabitkan jumlah peserta yang banyak. Pada dasarnya rundingan pertunangan hanya melibatkan dua peserta utama yang telah dipilih, iaitu seorang wakil perempuan (WP) dan seorang wakil lelaki (WL). Namun begitu, terdapat juga penglibatan pihak bukan wakil (BW) dan bapa lelaki (BL). Tetapi peranan mereka begitu kecil dan mereka hanya terlibat sekiranya wakil utama memberikan peluang kepada mereka.

Jadual 5.1 memaparkan bilangan peserta menurut kategori wakil untuk menunjukkan sama ada peserta ialah wakil utama atau sekadar peserta yang muncul sekali sekala dalam rundingan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat sebanyak 32 orang pererta (54.24 %) yang mewakili pihak perempuan dan 27 (45.76 %) peserta mewakili pihak lelaki dalam kesemua rundingan pertunangan yang berjumlah 19 MP. Jumlah keseluruhan peserta adalah sebanyak 59 (100.00 %) orang.

Bilangan peserta di sebelah pihak perempuan melebihi bilangan peserta di sebelah lelaki disebabkan pihak perempuan ialah tuan rumah yang menunggu dan menyambut rombongan lelaki. Lazimnya, pihak tuan rumah lebih selesa dan lebih berkeyakinan untuk turut serta dalam rundingan berbanding pihak lelaki yang menjadi tetamu.

Jadual 5.1: Bilangan Peserta kategori Wakil Dalam Setiap Majlis Pertunangan

Kategori Wakil Majlis Pertunangan (MP)	Bil Peserta	Kategori Wakil Perempuan	Kategori Wakil Lelaki	Jumlah Peserta Kategori Wakil
MP 1		Wakil Utama Wakil 2 Bukan Wakil	Wakil Utama Wakil 2	5
MP 2		Wakil Utama Wakil 2 Wakil 3 Bukan Wakil	Wakil Utama Wakil 2	6
MP 3		Wakil Utama Bukan Wakil	Wakil Utama	3
MP 4		Wakil Utama Bukan Wakil	Wakil Utama	3
MP 5		Wakil Utama	Wakil Utama Bukan Wakil	3
MP 6		Wakil Utama Wakil 2	Wakil Utama	3
MP 7		Wakil Utama	Wakil Utama	2
MP 8		Wakil Utama Wakil 2	Wakil Utama Wakil 2	4
MP 9		Wakil Utama	Wakil Utama Bapa Lelaki	3
MP 10		Wakil Utama Wakil 2	Wakil Utama Bapa Lelaki	4
MP 11		Wakil Utama Wakil 2	Wakil Utama Bukan Wakil	4
MP 12		Wakil Utama	Wakil Utama	2
MP 13		Wakil Utama	Wakil Utama	2
MP 14		Wakil Utama Wakil 2	Wakil Utama	3
MP 15		Wakil Utama	Wakil Utama Bukan Wakil	3
MP 16		Wakil Utama	Wakil Utama	2
MP 17		Wakil Utama	Wakil Utama	2
MP 18		Wakil Utama	Wakil Utama	2
MP 19		Wakil Utama Wakil 2	Wakil Utama	3
Jumlah Peserta		32 Peserta (54.23 %)	27 Peserta (45.76 %)	59 Peserta (100.00)

Selain itu, pihak gadis yang bertunang lebih dilindungi oleh waris-warisnya seperti bapa saudara dan abangnya yang tidak ragu-ragu akan turut serta dalam rundingan bagi memastikan kebajikan dan kedudukannya terjamin. Sehubungan itu, anggota keluarga perempuan mempunyai alasan yang lebih kuat untuk turut serta, seperti dalam MP 2 yang telah disertai oleh abang dan bapa-bapa saudara gadis. Selain itu, rombongan lelaki lebih kecil berbanding bilangan ahli keluarga perempuan yang menjadi tuan rumah. Sehubungan itu, saiz keluarga yang menyaksikan rundingan mempengaruhi bilangan pesyertaan di kalangan BW.

Jadual 5.2: Taburan Bilangan Peserta Dalam Rundingan Pertunangan

Bilangan Peserta Dalam Rundingan	Bilangan Majlis Pertunangan	
2	6 (31.58 %)	14 (73.68 %)
3	8 (42.11 %)	
4	3 (15.78 %)	5 (26.32 %)
5	1 (5.26 %)	
6	1 (5.26 %)	
Jumlah Majlis Pertunangan (N)	19 (100.0)	19 (100.0 %)

Dengan berdasarkan Jadual 5.2 didapati sebanyak 6 MP (31.58 %) yang melibatkan dua peserta dalam rundingan, iaitu seorang WP dan seorang WL. Manakala sebanyak 8 MP (42.11 %) melibatkan tiga orang peserta. Selain itu, terdapat 3 MP (15.78 %) yang mempunyai sebanyak empat peserta. Bilangan peserta sebanyak lima dan enam orang masing-masing terdapat dalam 1 MP (5.26 %). Dapatan ini menjelaskan bahawa bilangan peserta antara dua hingga tiga orang

terdapat dalam 14 MP (73.68 %) berbanding dengan bilangan peserta yang melebihi empat orang yang terdapat dalam 5 MP (26.32 %).

Dapatan kajian mendapati purata peserta dalam setiap rundingan ialah tiga orang. Dapatan ini membuktikan bahawa rundingan pertunangan tidak melibatkan peserta yang ramai. Ini disebabkan dalam rundingan pertunangan kedua-dua keluarga telah memilih wakil untuk menjadi jururunding. Pihak lain tidak mengetahui dengan mendalam butiran syarat-syarat pertunangan yang telah ditetapkan oleh keluarga kecuali wakil yang telah dipilih. Selain wakil utama, pihak keluarga juga ada memilih wakil kedua dan ketiga sebagai membantu wakil utama. Hanya mereka yang dipilih sahaja yang berhak bercakap, manakala mereka yang tidak dipilih hanya menyaksikan rundingan. Fenomena ini menjadi peraturan dalam rundingan pertunangan.

Namun begitu, wakil utama ada kala bersikap terbuka dan memberi peluang kepada pihak lain untuk mengemukakan sebarang pertanyaan atau pandangan. Sehubungan itu, terdapat penyertaan bukan wakil (BW). Penyertaan BW akan menyebabkan pertambahan bilangan peserta serta ambil giliran dalam sesuatu rundingan. Analisis kajian ini turut memaparkan bilangan peserta mengikut kategori wakil. Ini ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

Dengan merujuk Jadual 5.3, jelas menunjukkan bahawa wakil utama terdapat dalam semua MP yang berjumlah 19. Kedua-dua pihak memilih seorang wakil utama sebagai jururunding yang menguasai sebahagian besar sesi rundingan. Bilangan peserta dalam kategori wakil utama berjumlah sebanyak 38 orang (64.41

%). Manakala wakil kedua berjumlah 11 orang (18.64 %) dan seorang wakil ketiga (1.69 %). Penggunaan wakil ketiga tidak begitu diamalkan dalam rundingan pertunangan memandangkan peranan yang dimainkan oleh wakil utama dan wakil kedua telah mencukupi.

Jadual 5.3: Taburan Peserta Menurut Kategori Wakil

Dalam Rundingan Pertunangan

Kategori Wakil	Bilangan WP	Bilangan WL	Jumlah Wakil
Wakil Utama	19 (32.20 %)	19 (32.20 %)	38 (64.41 %)
	19 (50.0 %)	19 (50.0 %)	38 (100.0 %)
Wakil Kedua	8 (13.56 %)	3 (5.08 %)	11 (18.64 %)
	8 (72.73 %)	3 (27.27 %)	11 (100.0 %)
Wakil Ketiga	1 (1.69 %)	0	1 (1.69 %)
	1 (100.0 %)	0	1 (1.69 %)
Bukan Wakil	4 (6.78 %)	3 (5.08 %)	7 (11.86 %)
	4 (57.14 %)	3 (42.86 %)	7 (100.0 %)
Bapa	0	2 (3.38 %)	2 (3.38 %)
	0	2 (100.0 %)	2 (100.0 %)
Jumlah	32 (54.24 %)	27 (45.76 %)	59 (100.0 %)

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa penyertaan BW adalah lebih tinggi daripada penyertaan wakil ketiga, iaitu sebanyak tujuh orang (11.86 %) yang terdiri daripada 4 WP (6.78 %) dan 3 WL (5.08 %). Tetapi, peranan BW adalah begitu kecil. Dapatan juga menunjukkan terdapat dua (3.38 %) penyertaan bapa dalam rundingan yang kedua-duanya terdiri daripada bapa lelaki. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa bilangan peserta dalam rundingan

telah mempengaruhi perlakuan verbal yang lain, antaranya dalam menentukan perlakuan ambil giliran dan pasangan adjesensi.

5.1.2 Ambil Giliran

Ambil giliran merupakan salah satu peraturan pertuturan yang menjamin kesantunan perlakuan verbal. Ambil giliran ialah proses pertukaran peserta dalam perbualan. Kesantunan verbal menerusi ambil giliran adalah jelas sekiranya seseorang peserta tidak memotong percakapan peserta yang sedang bertutur. Malahan, para peserta dikatakan santun sekiranya mampu mengendalikan proses pertukaran bertutur dengan lancar. Suasana senyap tanpa sebarang tindak balas setelah seseorang penutur habis bercakap akan menjadikan suasana rundingan seolah-olah terhenti dan berada dalam suasana dingin. Sehubungan itu, ambil giliran merupakan antara perlakuan verbal yang sangat penting bagi menjamin keberkesanan proses rundingan.

Perlakuan ambil giliran ditunjukkan dengan Jadual 5.4. Dengan berdasarkan Jadual 5.4, jelas menunjukkan bahawa bilangan ambil giliran paling banyak berlaku dalam MP 1 dengan bilangan sebanyak 116 (16.06 %) yang juga mempunyai bilangan ujaran yang tinggi, iaitu sebanyak 370 (11.33 %). Bilangan ambil giliran yang tinggi diikuti oleh MP 2 sebanyak 72 (9.97 %) yang mempunyai bilangan ujaran sebanyak 333 (10.20 %). Manakala bilangan ambil giliran paling sedikit berlaku dalam MP 18 yang hanya berjumlah 2 (0.27 %), tetapi mempunyai bilangan ujaran sebanyak 72 (2.21 %).

Jadual 5.4: Bilangan Ambil Giliran Dalam Setiap Majlis Pertunangan

Majlis Pertunangan (MP)	Bil WP	Bil WL	Bilangan Ambil Giliran	Bilangan Ujaran
MP 1	76 (65.52 %)	40 (34.48 %)	116 (16.06 %)	370 (11.33 %)
MP 2	45 (62.5 %)	27 (37.5 %)	72 (9.97 %)	333 (10.20 %)
MP 3	3 (75.0 %)	1 (25.0 %)	4 (0.55 %)	88 (2.69 %)
MP 4	2 (33.33 %)	4 (66.67 %)	6 (0.83 %)	39 (1.19 %)
MP 5	17 (50.0 %)	17 (50.0 %)	34 (4.70 %)	238 (7.28 %)
MP 6	40 (56.34 %)	31 (43.66 %)	71 (9.823 %)	230 (7.04 %)
MP 7	5 (45.45 %)	6 (54.55 %)	11 (1.52 %)	30 (0.92 %)
MP 8	29 (50.88 %)	28 (49.12 %)	57 (7.89 %)	215 (6.58 %)
MP 9	8 (50.0 %)	8 (50.0 %)	16 (2.21 %)	150 (4.59 %)
MP 10	6 (50.0 %)	6 (50.0 %)	12 (1.24 %)	102 (3.12 %)
MP 11	25 (53.19 %)	22 (46.81 %)	47 (6.37 %)	215 (6.60 %)
MP 12	24 (54.55 %)	20 (45.45 %)	44 (6.09 %)	180 (5.51 %)
MP 13	28 (50.0 %)	28 (50.0 %)	56 (7.75 %)	258 (7.90 %)
MP 14	23 (52.27 %)	21 (47.73 %)	44 (6.09 %)	174 (5.33 %)
MP 15	16 (51.61 %)	15 (48.39 %)	31 (4.29 %)	104 (3.18 %)
MP 16	21 (51.22 %)	20 (48.78 %)	41 (5.67 %)	159 (4.87 %)
MP 17	8 (50.0 %)	8 (50.0 %)	16 (2.21 %)	63 (1.93 %)
MP 18	1 (50.0 %)	1 (50.0 %)	2 (0.27 %)	72 (2.21 %)
MP 19	24 (58.54 %)	17 (41.46 %)	41 (5.95 %)	246 (7.53 %)
Jumlah	401 (55.62 %)	320 (44.38 %)	721 (100.0%)	3266 (100.0%)

Nota: Terdapat 59 orang peserta dalam 19 MP (Rujuk Jadual 5.1)

Perbezaan bilangan ambil giliran tersebut sangat ketara memandangkan dalam MP 1, wakil-wakil merundingkan pelbagai perkara dan bilangan wakil utama dan wakil kedua berjumlah empat dan bilangan bukan wakil (BW) ialah

seorang. Dalam MP 18, majlis berlangsung sekadar untuk mengesahkan aspek komponen seperti harga mas kahwin dan hantaran belanja.

Namun bilangan ujaran dalam MP 18 lebih tinggi daripada MP 4 dan MP 7 yang mempunyai bilangan ujaran yang kurang daripada 40 ujaran. Hal ini disebabkan dalam MP 18, wakil ada menyelitkan unsur-unsur ceramah (dilakukan oleh WL) dan unsur perbilangan adat (dilakukan oleh WP). Manakala dalam MP 4 dan MP 7, wakil menjalankan rundingan dengan ringkas, iaitu sekadar mengesahkan aspek komponen yang telah dipersetujui lebih awal, tetapi terdapat sesi soal jawab.

Dengan dapatan bilangan ambil giliran tersebut, didapati purata ambil giliran bagi setiap peserta ialah 12 kali. Manakala purata bilangan ujaran ialah 172. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan wakil kedua dan BW menyumbang kepada bilangan ambil giliran dan bilangan ujaran.

Penglibatan BW yang mencelah bagi membantu wakil utama dapat dilihat menerusi contoh yang berikut:

Contoh 5.1

MP 5

WL:U 42: Maka kami pun datang dengan membawalah sedikit apa ni tanda, apa ni...Allah...

BW:U 43: Buah tangan.

WL:U 44: Ha...buah tanganlah!

Contoh tersebut menunjukkan peranan BW terlalu kecil dan bertindak mengambil giliran demi membantu wakil utama yang kehilangan kata-kata. Jenis ambil giliran yang begini tidak begitu ketara dan tidak kerap muncul.

Pihak BW juga mengambil giliran dengan mengemukakan soalan setelah wakil utama membuka ruang kepada hadirin untuk mengemukakan sebarang soalan atau pendapat. Ini dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

Contoh 5.2

MP 3

WP:U 76: Ada banyak keluarga di sini kalau ada nak tambah?

BW:U 77: Macam mana kalau ada yang ingkar?

Contoh 5.2 tersebut memaparkan bahawa BW yang selama ini tidak terlibat dalam rundingan telah mengambil kesempatan untuk mengemukakan soalan setelah wakil utama memberikan peluang sejurus sebelum rundingan berakhir.

Satu lagi pihak yang didapati turut mengambil giliran dalam rundingan ialah bapa pihak yang bertunang. Hal ini hanya terdapat dalam dua MP, iaitu MP 9 dan MP 10. Kedua-duanya ialah bapa pihak lelaki (BL) yang diminta oleh wakil utama untuk menjelaskan perkara yang wakil utama kurang pasti. Ini dipaparkan seperti yang berikut:

Contoh 5.3

MP 9

WP:U 73: Saya difahamkan benda ni ikut rundingan antara Pak Cik tu...

U 74: Macam mana?

U 75: Sama ada nak sekali gus ke...

U 76: Atau pun macam mana?

BL:U 77: Assalammualaikum W.B.K.

U 78: Saya campur sikit.

Contoh 5.3 jelas menunjukkan bahawa BL hanya mengambil giliran setelah diminta oleh wakil utama. Malahan BL memberikan salam sebelum memulakan percakapan. Hal ini menggambarkan satu perlakuan ambil giliran yang santun.

Fenomena ambil giliran yang dilakukan oleh BW dan BL menjelaskan bahawa pihak tersebut mematuhi peraturan rundingan pertunangan yang hanya dikuasai oleh wakil-wakil utama yang telah dilantik secara rasmi oleh keluarga. Namun begitu, BW dan BL ini mengambil bahagian hanya apabila diminta oleh wakil utama. Ini menjelaskan bahawa wujud kesantunan verbal dalam ambil giliran di kalangan pihak BW dan BL. Selain itu, fenomena ini juga menjelaskan bahawa wakil-wakil utama bertindak santun dengan memberikan ruang kepada pihak lain untuk turut serta dalam rundingan walaupun hanya seketika. Pengendalian rundingan dengan bentuk ambil giliran yang tersebut menjamin kelancaran rundingan tanpa sebarang pertelaghanan.

Dalam menganalisis ciri ambil giliran dalam kajian ini, Model “Turn Taking in Conversation” oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (SSJ, 1974) dijadikan panduan. Model tersebut menekankan kewujudan mekanisma dalam pengurusan ambil giliran. Mekanisma tersebut berupa satu set peraturan yang mengandungi susunan pilihan yang beroperasi sebagai asas dalam ambil giliran. Antaranya, penutur yang sedang bercakap akan membuat pilihan terhadap penutur seterusnya (Contoh 5.3). Satu lagi mekanismanya ialah salah seorang peserta akan mengambil giliran bercakap secara sukarela (Seperti dalam contoh 5.1 dan 5.2). Model SSJ juga mengemukakan mekanisma penukaran penutur berlaku pada tempat penukaran yang relevan yang dikenali sebagai “Transition Relevance Place” (TRP) yang ditandai dengan pengakhiran sesuatu unit sama ada dalam frasa ataupun klausa.

Jadual 5.5: Bentuk Penanda Ambil Giliran Dan Taburan Kekerapannya

Bentuk Ambil Giliran	Taburan Giliran	kekerapan	Ambil
Ujaran Lengkap Penyata	405 (56.18 %)		
Ujaran Lengkap Tanya	155 (21.49%)		
Ungkapan Kesimpulan	73 (10.12 %)		
Ungkapan Persetujuan	41 (5.68 %)		
Diberi Peluang Bercakap	37 (5.13 %)		
Melengkapkan Ujaran	10 (1.39 %)		
Jumlah Ambil Giliran	721 (100.0 %)		

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat enam bentuk ambil giliran dalam rundingan pertunangan. Jadual 5.5 adalah untuk menunjukkan bentuk ambil giliran serta taburan kekerapannya.

5.1.2.1 Ujaran Lengkap Penyata

Ujaran Lengkap Penyata bermaksud berlaku kesenyanan setelah penutur mengujarkan suatu ujaran yang lengkap dari segi maksudnya. Penutur berhenti sebagai penanda ambil giliran oleh penutur yang berikutnya. Bentuk ini adalah yang paling kerap terdapat dalam rundingan pertunangan. Dapatan menunjukkan bahawa bentuk ini berlaku sebanyak 405 kali (56.18 %). Bentuk ini menunjukkan bahawa seseorang wakil mampu menyampaikan maklumat dengan lengkap sehingga membolehkan wakil yang berikutnya menyambut kata-katanya tanpa terkeluar daripada perkara yang sedang dirundingkan. Memandangkan rundingan pertunangan hanya melibatkan wakil-wakil utama, maka setiap wakil akan menyampaikan maklumat selengkap mungkin, manakala wakil sebelahnya hanya akan mengambil giliran setelah maklumat tersebut lengkap.

Selain itu, ambil giliran bentuk ini menunjukkan bahawa kedua-dua wakil mampu mewujudkan kerjasama dalam rundingan. Ambil giliran ini berlaku apabila penutur menyediakan tempat untuk berhenti bercakap pada tempat yang sesuai, manakala penutur yang berikutnya bijak mengambil gilirannya pada tempat yang sesuai. Fenomena yang begini mewujudkan suasana rundingan yang santun dan tindakan menyampuk atau memotong percakapan tidak berlaku. Ambil giliran bentuk ini dapat dijelaskan dengan contoh yang berikut:

Contoh 5.4

MP 9

WP:U 100: Secepat-sepatnya kalau boleh dalam masa enam bulan gitu.

Dengan berdasarkan contoh 5.4 WP memberikan maklumat yang lengkap tentang aspek komponen tempoh pertunangan. Setelah maklumat tersebut lengkap, barulah WL mengambil gilirannya dengan tindak balas seperti yang berikut:

Contoh 5.5

MP 9

WL:U 101: Jangan lebih daripada setahun ha...

Dapatan kajian menunjukkan perlakuan ambil giliran bentuk ini berlaku kerana kedua-dua wakil memahami matlamat rundingan dan telah menjangkakan aspek komponen yang akan disentuh dalam rundingan tersebut. Lazimnya, WL akan mendengar syarat-syarat yang dikemukakan oleh WP. Keadaan ini menyebabkan WL membiarkan WP berkata-kata sehingga aspek komponen yang disentuh selesai disamping berlaku kesenyapan setelah ujaran tersebut lengkap seperti contoh 5.4.

Persefahaman bukan sahaja wujud di kalangan wakil yang dilantik menjadi jururunding, bahkan persefahaman juga wujud di kalangan semua pihak yang turut menyaksikan rundingan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak lain jarang sekali masuk campur atau menyampuk dan mengganggu proses rundingan,

kecuali dalam kes-kes seperti yang telah dibincangkan seperti yang dicontohkan dalam 5.1 - 5.2.

5.1.2.2 Ujaran Lengkap Tanya

Kajian menunjukkan perlakuan ambil giliran menerusi pertanyaan muncul sebanyak 155 kali (21.48 %). Bentuk ini terdapat dalam rundingan yang menyentuh pelbagai perkara secara terperinci seperti dalam MP 1, MP 2 dan MP 6. Manakala dalam MP 18 tidak terdapat perlakuan ambil giliran bentuk ini. Bentuk ini lebih kerap terdapat dalam sesebuah rundingan yang panjang yang melibatkan lebih ramai peserta dan wakil merundingkan aspek komponen dengan mendalam. Yang berikut ialah contoh ambil giliran selepas pertanyaan.

Contoh 5.6

MP 2

- WL:U 250: Nak suruh hantar dulu ke?
WP:U 251: Bagi pihak Suhaili, jadi hantaran enam ribu dan apa tu, sekali bawa hari nikah.

MP 6

- WL:U 59: Termasuk mas kahwinnya?
WP:U 60: Ya...ya... termasuk mas kahwinnya.

MP 13

- WP:U 118: Nama siapa tadi?
WL:U 119: Mas Jamalullail.

5.1.2.3 Ungkapan Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 73 kali (10.12 %) bentuk ini muncul sebagai satu bentuk ambil giliran oleh penutur yang berikutnya. Ujaran bentuk ini memberi tanda bahawa maklumatnya sudah selesai dan penutur yang berikut boleh mengambil gilirannya. Antara ungkapannya adalah seperti “Sekian, terima kasih”, “Asalammualaikum”, “Jadi itulah”, “Itu saja”, Insya-Allah” dan ungkapan-ungkapan yang membawa rumusan maksud. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.7

MP 6

WL:U:149: Insya-Allah.

WP:U 150: Alhamdulillah.

MP 9

WP:U 136: Itu je ceritanya.

WL:U 137: Ha... itulah dia hukum penaltinya orang kata.

MP 10

WL:U 25: Sekian, terima kasih

WP:U 26: Assalammualaikum W.B.K.

MP 15

WP:U 56: Jadi itulah!

WL:U 57: Jadi belanja hangusnya lima ribu.

5.1.2.4 Ungkapan Persetujuan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sebanyak 41 kali (5.68 %) bentuk ini muncul. Perlakuan ini berlaku apabila sesuatu maklumat, cadangan atau pendapat mendapat tindak balas persetujuan daripada penutur yang berikutnya. Penutur akan mengambil gilirannya dengan ungkapan persetujuan seperti “Ya...ya...”, “Hah...hah...”, “Setuju, setuju”, “Elok tu”, “Boleh, boleh”, “Alhamdulillah”, “Insya-Allah” dan sebagainya. Penutur awal yang sengaja berhenti seketika untuk menunggu respon pasangannya akan menyambungkan percakapannya sebaik sahaja menerima respon positif seperti yang dijangkakan. Berikut ialah contoh ambil giliran menerusi ungkapan persetujuan.

Contoh 5.8

MP 2

WP:U 190: Supaya jangan bertelingkahan antara satu sama lain.

WL:U 546 Ya...ya...

MP 12

WL:U 121: Selepas itu, wang hantaran sebanyak sepuluh ribu ringgit.

WP:U 122: Alhamdulillah.

MP 15

WL:U 68: Dan semoga majlis ini kita manfaatkan supaya keadaan kita menjadi keluarga yang baik pada hari akan datang.

WP:U 69: Insya-Allah.

5.1.2.5 Setelah Diberi Peluang

Dapatan kajian menunjukkan ambil giliran turut berlaku setelah penutur yang sedang bertutur memberikan peluang kepada pihak sebelah. Analisis mendapati bentuk ini berlaku sebanyak 37 kali (5.13 %). Peluang yang diberikan oleh penutur kepada pihak lain menjadikan penukaran penutur berada dalam keadaan yang teratur. Yang berikut ialah contoh ambil giliran bentuk tersebut.

Contoh 5.9

MP 2

U:2991 WP: Untuk tidak melengahkan masa lagi, saya bagi pihak majlis menjemput wakil pihak perempuan untuk...sebagai mukaddimah.

U:2992 WP2: Bismillahirrahmannirrahim.

MP 15

WL:U 28: Dan saya bersedia mendengar apa-apa pandangan dan syarat-syarat yang dikemukakan oleh pihak sinilah.

WP:U 29: Ha... jadi tuan-tuan, puan-puan, begitulah tadi ucapan permulaan daripada kekanda Sufian.

MP 17

- WP:U 4: Jadi kita persilakanlah pihak lelaki untuk menyatakan hajat kedatangan mereka pada hari ini.
- WL:U 5: Asslammualaikum W.B.K.

5.1.2.6 Melengkapkan Ujaran

Bentuk ini muncul sekali-sekala dalam rundingan pertunangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 13 kali (1.81 %) bentuk ambil giliran ini muncul. Penutur mengambil giliran tanpa perancangan, sebaliknya bertindak untuk melengkapkan ujaran penutur yang sedang bertutur. Ambil giliran bentuk ini menyelamatkan muka penutur yang didapati kehilangan kata atau tidak pasti dengan ungkapan seterusnya. Ambil giliran berlaku setelah penutur terdiam seketika dan suasana senyap. Suasana begini sekiranya tidak cepat diisi akan menggugat muka penutur. Bentuk ini jarang muncul memandangkan kebanyakan wakil sudah bersedia untuk mengatakan sesuatu. Tetapi, keadaan di mana penutur kehilangan kata tidak dapat dielakkan berlaku sekali-sekala. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.10

MP 2

- WP:U 317: Ingin menyerahkan pula ha...hantaran kita sebagai...
- BW:U 318: Balasan.
- WP:U 319: Hm...sebagai balasan kita kepada pihak lelaki.

WL:U 42: Maka kami pun datang dengan membawalah sedikit apa ni tanda, apa ni... Allah...

BW:U 43: Buah tangan.

WL:U 44: Ha... buah tangan

Hasil penelitian terhadap semua penanda ambil giliran jelas menunjukkan bahawa penanda giliran yang tinggi adalah menerusi Ujaran Lengkap Penyata. Ini menunjukkan bahawa penutur seterusnya sabar mendengar segala maklumat sehingga ujaran yang sedang disampaikan itu lengkap. Selain itu, para penutur sebagai wakil sudah menjangkakan peranan yang perlu mereka mainkan untuk membincangkan beberapa aspek komponen. Penanda ambil giliran yang terendah ialah Melengkapkan Ujaran. Ini disebabkan penutur jarang terputus atau kehilangan kata-kata sehingga mendorong pihak lain melengkapkan ujarannya memandangkan wakil yang dipilih terdiri daripada kalangan yang petah dan berkebolehan. Fenomena ambil giliran tersebut menunjukkan rundingan pertunangan berada dalam suasana yang formal apabila peserta rundingan mematuhi peraturan dan struktur dalam sesebuah majlis rundingan. (Baljit Kaur, 1994:151).

Ambil giliran yang berlaku dalam proses rundingan telah memaparkan pendemokrasian bertutur apabila penutur menggunakan penanda ambil giliran (TRP) yang membolehkan penutur yang berikutnya bertutur. Penanda giliran yang muncul dalam rundingan pertunangan ini menggambarkan bahawa peserta dalam rundingan telah mengekalkan perlakuan yang santun apabila tidak memotong

percakapan seseorang penutur. Suasana ini menjadikan rundingan tersebut berada dalam keadaan yang tersusun dan tertib. Memandangkan peserta dalam rundingan pertunangan telah ditetapkan, maka tidak terdapat pihak BW yang mengambil bahagian sesuka hati untuk campur tangan dalam rundingan. Kepatuhan hadirin yang menyaksikan majlis tersebut telah menjadikan pola ambil gilirannya terkawal dan lancar dan seterusnya menampakkan perlakuan verbal yang santun.

5.1.3 Pasangan Adjesensi

Perlakuan ini ada perkaitan rapat dengan ambil gliran. Dalam sesebuah peristiwa bahasa seperti rundingan pertunangan, pasangan adjesensi terdiri daripada pasangan jururunding yang menjadi wakil kepada pihak keluarga pasangan yang bertunang. Perlakuan pasangan ini turut mampu menggambarkan kerjasama yang diwujudkan dalam rundingan, serta memaparkan strategi pasangan ketika memberikan tindak balas terhadap percakapan yang disampaikan oleh penutur.

Daripada analisis, terdapat dua bentuk pasangan adjesensi yang jelas dalam rundingan pertunangan, iaitu pertanyaan – jawapan dan penjelasan – respon.

5.1.3.1 Pertanyaan – Jawapan

Bentuk ini merupakan antara bentuk utama dalam memaparkan kerjasama pasangan dalam rundingan. Hasil kajian tentang pasangan adjesensi pertanyaan – soalan dapat ditunjukkan dengan Jadual 5.6.

Jadual 5.6: Taburan Pasangan Adjesensi Menerusi Pertanyaan – Jawapan

Jenis Pertanyaan - Jawapan	Bilangan Dan Peratusan
Pertanyaan – Jawapan Terus	134 (86.45 %)
Pertanyaan – Jawapan Tidak Secara Langsung	18 (11.61 %)
Pertanyaan – Tidak Mendapat Jawapan	3 (1.93%)
Jumlah Pertanyaan – Jawapan	155 (100.00 %)

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sebanyak 155 jumlah pasangan adjesensi bentuk ini. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak 134 (86.45 %) pertanyaan penutur menerima jawapan secara langsung daripada pasangannya. Manakala 18 (11.61 %) soalan tidak menerima jawapan secara langsung sebaliknya pasangan memberi jawapan dengan cara berlegar-legar dan melalui beberapa ambil giliran. Terdapat juga soalan yang tidak berjawap sebaliknya pasangan memberikan tumpuan kepada perkara lain atau perkara baru, bentuk ini terdapat sebanyak tiga kali (1.93%).

Yang berikut ialah contoh setiap jenis pasangan adjesensi berbentuk Pertanyaan – Jawapan.

a) Pertanyaan – Jawapan Terus

Contoh 5.11

MP 2

WP:U 77: Ni orang mana, Perak?

WL:U:78: Saya orang Kelantan.

MP 13

WP:U 70: Datang dari mana tadi?

WL:U 71: Air Tawar Perak.

Dapatan kajian menunjukkan jenis tersebut lebih kerap berlaku berbanding jenis-jenis yang lain. Pasangan memberikan jawapan yang jelas dan menepati kehendak soalan. Jawapan yang demikian adalah yang terbaik dan santun memandangkan penutur yang mengemukakan soalan mendapat jawapan secara terus. Ini menjadikan proses rundingan berjalan lancar.

b) Pertanyaan – Jawapan Tidak Secara Langsung

Contoh 5.12

MP 16

WL:U 43: Untuk sini berapa hantaran yang biasalah?

WP:U 44: Kalau sini biasanya...

U 45: Ni bukannya kita nak jual beli ya?

Pertanyaan WL tersebut tidak mendapat jawapan terus daripada WP. Jenis ini didapati menyebabkan proses rundingan menjadi panjang dan tidak lancar. Pihak yang mengemukakan soalan juga didapati berada dalam keadaan tertekan memandangkan pertanyaannya tidak mendapat jawapan seperti yang dihajati,

malahan terpaksa berusaha untuk medapatkan jawapan (Rujuk U:46- U:56). Hal ini berlaku disebabkan rasa segan dan malu untuk menyebut harga hantaran secara terus terang. Walaupun malu merupakan asas dalam pembinaan kesantunan tetapi malu yang menyukarkan rundingan sama sekali tidak digalakkan, malahan ini boleh mengancam muka pihak yang mengemukakan soalan. Dalam rundingan pertunangan, sudah menjadi kelaziman bahawa pihak perempuan akan menyatakan harga hantaran belanja. Oleh itu, keengganan pihak perempuan menyebutkannya menyebabkan rundingan menjadi sukar sedangkan pihak lelaki bersedia untuk mendengar. Hal yang sama turut berlaku dalam MP 14 (U:24 – U 38).

c) Pertanyaan – Tidak Menerima Jawapan

Contoh 5.13

MP 6

WP: U 167: Kot-kot ada lagi Tuan Haji?

WP2:U 168: Walaupun kita harap tak ada apa-apa berlaku kan.

Pertanyaan WP dalam MP 6. WL didapati tidak memberi respon menyebabkan keadaan sunyi seketika, lalu WP 2 mengambil giliran bagi memecahkan kesenyapan yang berlaku. Pertanyaan yang tidak menerima tindak balas daripada pasangan sangat jarang berlaku, dapatan mendapati hanya tiga kes sahaja. Ini menunjukkan bahawa pasangan dalam rundingan sentiasa berusaha memberi tindak balas dan sedar bahawa setiap pertanyaan sepatutnya menerima jawapan walaupun jawapan itu tidak jelas (Seperti contoh 5.19).

5.1.3.2 Penjelasan – Respons

Dapatan kajian menemui sebanyak 143 bentuk ini muncul dalam rundingan pertunangan. Dalam rundingan pertunangan lakuhan bahasa berbentuk penjelasan, yang terdiri daripada pernyataan tujuan dan syarat, cadangan dan alasan adalah bentuk yang paling banyak. Dapatan menunjukkan bentuk-bentuk lakuhan bahasa ini kerap diperkatakan oleh seseorang wakil. Penutur akan menggunakan TRP atau penanda ambil giliran yang sesuai (Rujuk 5.1) bagi membolehkan pasangannya mengambil giliran untuk meneruskan rundingan. Terdapat beberapa bentuk tindak balas pasangan terhadap penjelasan penutur. Jenis Penjelasan – Respons dan taburannya dapat dijelaskan menerusi Jadual 5.7.

Dengan merujuk Jadual 5.7 didapati bahawa Penjelasan-Persetujuan jauh lebih tinggi, iaitu sebanyak 78 (54.56 %) berbanding dengan Penjelasan-Pertanyaan (33.56 %) dan Penjelasan-Penolakan (11.88 %). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pasangan adjesensi dalam rundingan pertunangan mencapai kata sepakat dan berjaya bekerjasama dalam rundingan.

Jadual 5.7: Jenis Penjelasan-Respons Serta Taburannya

Dalam Rundingan Pertunangan

Jenis Penjelasan-Respons	Bilangan	Peratusan
Penjelasan-Persetujuan	78	54.56 %
Penjelasan-Pertanyaan	48	33.56 %
Penjelasan-Penolakan	17	11.88 %
Jumlah	143	100.00 %

a) Penjelasan - Persetujuan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sebanyak 78 penjelasan (54.56 %) mendapat persetujuan terus daripada pasangan.

Contoh 5.14

MP6

WP2:U 176: Kita mengatasi adatlah kan.

WL: U 177: Saya setuju tu.

Selain itu, ungkapan “Alhamdulillah” juga kerap diungkapkan apabila pasangan memberikan respon positif terhadap kata-kata yang membawa persetujuan dan kegembiran seperti dalam contoh yang berikut:

MP 12

WL:U 106: Sudah tentu kami berpuas hati.

WP:U 107: Alhamdulillah.

Ungkapan seperti “ha...” dan “ya...ya...” juga diucapkan apabila pasangan hendak menunjukkan tindak balas terhadap kata-kata penutur seperti dalam contoh 5.22.

MP 1

WL:U 205: Tapi kami tak janji apa cincin.

WP:U 206: Ya...ya...

b) Penjelasan – Pertanyaan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat 48 kes (33.56 %) pasangan mengemukakan pertanyaan selepas sesuatu penjelasan. Hal ini berlaku sekiranya maklumat yang dinyatakan kurang jelas dan menyebabkan pasangan bertanya.

Contoh 5.15

MP 1

U:38 WL: Jadi sekali dengan pernikahan.

U:39 WP: Hantaran sekali?

Adakalanya pasangan bertanya untuk mendapatkan pengesahan sesuatu maklumat.

MP 12

WL:U 138: Jadi tarikh tu kemungkinan, ha...pada lima haribulan Mei.

WP:U 139: Lima haribulam Mei?

c) Penjelasan – Penolakan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat 17 penjelasan (11.88 %) yang menerima respon penolakan daripada pasangan.

Contoh 5.16

MP 6

- WP:U 48: Maka jumlah hantaran tu, saya minta abang cadangkan dulu, ha...
- WL:U 49: Tak begini, tak begitulah.
- U 50: Biasanya kalau umpamakan orang jual beli barang, orang punya baranglah yang katakan.

MP 17

- WL:U 45: Orang sinilah tujuh haribulan.
- U 46: Orang sana lapan haribulan.
- WP:U 47: Jadi hal itu kita tengok dulu baik tak baik hari itu.

Dalam contoh 5.25 WL dalam MP 6 telah menolak cadangan WP untuk menyebutkan harga hantaran belanja. Manakala contoh dalam MP 17 didapati WP enggan menerima cadangan WL tentang tarikh perkahwinan.

Dengan dapatan kajian tentang pasangan adjesensi itu adalah jelas bahawa polanya berada dalam suasana yang lancar. Terlalu kecil bilangan pola adjesensi yang menggambarkan ciri-ciri yang kurang menyenangkan atau tidak menggembirakan pasangan. Kebanyakan pasangan didapati bertindak wajar memberikan respon terhadap butiran rundingan. Ini disebabkan setiap wakil telah bersedia untuk menjalankan rundingan dan telah mempunyai maklumat yang jelas. Sehubungan itu, setiap pertanyaan dapat diberikan jawapan dan setiap aspek komponen yang dijelaskan akan menerima respon positif. Jarang sekali sesuatu

yang dikemukakan menerima penolakan, malahan bilangan respon penolakan didapati kecil (11.88 %).

5.1.4 Pengulangan

Dalam kajian ini, analisis pengulangan kata/frasa dilihat dengan dua cara, iaitu pengulangan yang dilakukan oleh seorang penutur dan pengulangan yang dilakukan oleh penutur yang lain.

Dalam Jadual 5.8 ditunjukkan kekerapan unsur pengulangan yang berlaku dalam setiap rundingan pertunungan yang dilakukan sama ada oleh penutur pertama atau penutur lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengulangan oleh penutur yang sama berjumlah 179 kali (63.25 %). Manakala pengulangan yang dibuat oleh penutur lain berjumlah 104 kali (36.74 %). Daripada Jadual 5.8, adalah jelas bahawa pengulangan frasa terdapat dalam kebanyakan rundingan.

Terdapat tiga MP yang tidak ada pengulangan, iaitu MP 3, MP 4 dan MP 7. Kajian mendapati MP 1 mencatatkan jumlah pengulangan yang terbanyak, iaitu 28 kali (15.64 %) bagi pengulangan oleh penutur yang sama dan 18 (17.30 %) bagi pengulangan oleh penutur lain. Jumlah pengulangan yang dicatatkan dalam MP 1 adalah sebanyak 46 kali (16.25 %). Manakala pengulangan oleh penutur yang sama dalam MP 2 adalah sebanyak 24 kali (13.40 %) dan pengulangan oleh penutur lain adalah sebanyak 12 kali (11.53 %).

Jadual 5.8: Kekerapan Pengulangan Kata/Frasa Dalam Rundingan Pertunangan

Majlis Pertunangan (MP)	Jenis Pengulangan	Pengulangan Penutur Yang Sama	Pengulangan Penutur Lain	Jumlah Besar Pengulangan
MP 1	28 (60.86 %) 28 (15.64 %)	18 (39.13 %) 18 (17.30%)	46 (100.0 %) 46 (16.25 %)	
MP 2	24 (66.66 %) 24 (13.40 %)	12 (33.33 %) 12 (11.53 %)	36 (100.0 %) 36 (12.72 %)	
MP 3	0	0		0
MP 4	0	0		0
MP 5	17 (85.0 %) 17 (9.49 %)	3 (15.0 %) 3 (2.88 %)	20 (100.0 %) 20 (7.06 %)	
MP 6	10 (52.63 %) 10 (5.58 %)	9 (47.36 %) 9 (8.66 %)	19 (100.0 %) 19 (6.71 %)	
MP 7	0	0		0
MP 8	14 (53.84 %) 14 (7.84 %)	12 (46.15 %) 12 (11.53 %)	26 (100.0%) 26 (9.18 %)	
MP 9	8 (72.73 %) 8 (4.47 %)	3 (27.27 %) 3 (2.88 %)	11 (100.0 %) 11 (3.88 %)	
MP 10	5 (83.33 %) 5 (2.79 %)	1 (16.67 %) 1 (0.96 %)	6 (100.0 %) 6 (2.12 %)	
MP 11	11 (68.75 %) 11 (6.15 %)	5 (31.25 %) 5 (4.82 %)	16 (100.0 %) 16 (5.65 %)	
MP 12	0 0	4 (100.0 %) 4 (3.84 %)	4 (100.0 %) 4 (1.41 %)	
MP 13	10 (90.91 %) 10 (5.58 %)	1 (9.09 %) 1 (0.96 %)	11 (100.0 %) 11 (3.88 %)	
MP 14	14 (60.87 %) 14 (7.84 %)	9 (39.13 %) 9 (8.66 %)	23 (100.0 %) 23 (8.12 %)	
MP 15	3 (25.0 %) 3 (1.68 %)	9 (75.0 %) 9 (8.66 %)	12 (100.0 %) 12 (4.24 %)	
MP 16	11 (55.0 %) 11 (6.15 %)	9 (45.0 %) 9 (8.66 %)	20 (100.0 %) 20 (7.06 %)	
MP 17	4 (50.0 %) 4 (2.23 %)	4 (50.0 %) 4 (3.84 %)	8 (100.0 %) 8 (2.82 %)	
MP 18	4 (100.0 %) 4 (2.23 %)	0 0	4 (100.0 %) 4 (1.41 %)	
MP 19	16 (76.19 %) 16 (8.94 %)	5 (23.81 %) 5 (4.82 %)	21 (100.0 %) 21 (7.42 %)	
Jumlah Kecil	179 (100.0 %) 179 (63.25 %)	104 (100.0 %) 104 (36.74 %)	-	283 (100.0 %)

Jumlah keseluruhan pengulangan dalam MP 2 adalah sebanyak 36 (12.72 %). Kedua-dua MP tersebut mencatatkan bilangan pengulangan yang tinggi berbanding dengan MP yang lain. Bilangan pengulangan yang sederhana iaitu antara 10 hingga 29 kali didapati lebih banyak iaitu terdapat dalam 10 MP (52.63 %).

Dengan berdasarkan taburan pengulangan tersebut, dipaparkan Jadual 5.9 untuk menunjukkan kelompok taburan pengulangan dalam rundingan pertunangan.

Jadual 5.9 Kelompok Pengulangan Dalam Rundingan Pertunangan

Kelopok Pengulangan	Bilangan Majlis Pertunangan
Melebihi 30 kali	2 (10.53 %)
10 – 29 kali	10 (52.63 %)
Bawah 9	7 (36.84 %)
Jumlah	19 (100.0 %)

Dengan Jadual 5.9, jelas menunjukkan bahawa taburan pengulangan adalah berbeza-beza dan tidak menunjukkan pola keseragaman. Walau bagaimanapun, jumlah pengulangan sebanyak 283 kali menunjukkan bahawa pengulangan adalah antara perlakuan verbal yang utama. Bilangan pengulangan bergantung kepada saiz rundingan dan isi perbincangan. Hal tersebut dapat dijelaskan apabila tidak terdapat pengulangan dalam tiga MP. Ini disebabkan rundingan dalam ketiga-tiga MP adalah pendek, tidak menyeluruh dan ringkas. Ini berbeza dengan MP 1 atau

MP 2 yang membincangkan pelbagai aspek komponen pertunangan dengan secara mendalam dan teliti, di samping penyertaan lebih ramai peserta.

Jadual 5.10: Bilangan Kata/Frasa Yang Diulang Menurut Domain

Jenis Pengulangan Jenis Domain	Penutur Sama	Penutur Lain	Jumlah
Masa	32 (54.23 %) 32 (12.8 %)	27 (45.76 %) 27 (10.8 %)	59 (100.0 %) 59 (23.6 %)
Wang	28 (51.85 %) 28 (11.2 %)	26 (48.15 %) 26 (10.4 %)	54 (100.0 %) 54 (21.6 %)
Tindakan	31 (64.58 %) 31 (12.4 %)	17 (35.42 %) 17 (6.8 %)	48 (100.0 %) 48 (19.2 %)
Sifat	27 (57.44 %) 27 (10.8 %)	20 (42.55 %) 20 (8.0 %)	47 (100.0 %) 47 (18.8 %)
Adat & Tempat	8 (57.14 %) 8 (3.2 %)	6 (42.85 %) 6 (2.4 %)	14 (100.0 %) 14 (5.6 %)
Kiasan	7 (70.0 %) 7 (2.8 %)	3 (30.0 %) 3 (1.2 %)	10 (100.0 %) 10 (4.0 %)
Islam	7 (77.78 %) 7 (2.8 %)	2 (22.22 %) 2 (0.8 %)	9 (100.0 %) 9 (3.6 %)
Orang	6 (66.67 %) 6 (2.4 %)	3 (33.33 %) 3 (1.2 %)	9 (100.0 %) 9 (3.6 %)
Jumlah	146 (58.4 %)	104 (41.6 %)	250 (100.0 %)

Daripada himpunan kata/frasa yang diulang, beberapa domain telah dibina untuk mengelompokkan frasa-frasa tersebut yang ditunjukkan di dalam Jadual 5.10.

Dalam jadual tersebut terdapat sembilan domain yang dikenal pasti. Selain itu, kajian turut menganalisis jenis kata/frasa yang kerap diulang. Dapatan menunjukkan terdapat sebanyak 146 (58.4 %) jenis kata/frasa yang diulang oleh

penutur yang sama dan 104 (41.6 %) jenis kata/frasa yang diulang oleh penutur lain.

Jumlah kata/frasa yang diulang oleh penutur yang sama didapati kurang daripada jumlah keseluruhan pengulangan (179 kali) adalah disebabkan adakala penutur melakukan pegulangan kata/frasa yang sama berulang kali. Contohnya dalam MP 1, penutur mengulang frasa “enam bulan” sebanyak tiga kali dan mengulang frasa “enam haribulan satu” empat kali. Sesuatu frasa yang sama diulang berkali-kali hanya akan dikira sebagai satu jenis frasa.

Dapatan kajian mendapati bahawa pengulangan kata/frasa daripada jenis Domain Masa adalah berjumlah sebanyak 59 (23.6 %) dan berlaku sewaktu penutur merundingkan tempoh pertunangan dan tarikh perkahwinan.

Bilangan pengulangan domain tersebut adalah yang tertinggi memandangkan kebanyakan MP merundingkannya dengan terperinci kecuali MP 18 yang tidak menyentuh langsung tentang tempoh pertunangan dan tarikh perkahwinan (Rujuk Bab 4, perkara 4.2.2).

Frasa yang ada di dalam domain ini terdiri daripada frasa yang ada hubung kait dengan masa sama ada berkaitan dengan hari, minggu, bulan, tahun atau sifat masa seperti awal, lambat, cepat. Yang berikut dipaparkan contoh pengulangan Domain Masa.

Contoh 5.17

MP 1

WP:U 77: Jadi mengikut yang ada di sini, kalau katalah enam bulan, kalau kata.

U 78: Diri saya difahamkan lebih kurang enam bulanlah.

U 79: Ha...dari mula tarikh hari nilah.

U 80: Jadi kalau enam bulan, yang kalau betul dilangsungkan pada bulan Syawal.

Selain itu, kajian menunjukkan terdapat sebanyak 54 (21.6 %) frasa daripada Domain Wang. Pengulangan frasa dalam Domain Wang merupakan pengulangan frasa yang berkaitan dengan nilai wang seperti “lima ribu” atau yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti “mas kahwin” dan “hantaran belanja”.

Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.18

MP 6

WP:U 58: Dah diadatkan seperti yang kami putuskanlah, iaitu lima ribu seringgit termasuk mas kahwinnya.

WL:U 59: Termasuk mas kahwinnya?

WP:U 60: Ya...ya...

U 61: Termasuk mas kahwinnya.

U 62: Termasuk mas kahwinnya sekali.

U 63: Dan upah nikah tu lainlah.

U 64: Upah nikah tu lainlah.

Frasa dalam Domain Tindakan pula mencatatkan jumlah pengulangan sebanyak 48 (19.2 %). Jenis kata/frasa dalam domain ini adalah merujuk kata-kata tindakan atau perlakuan yang disarankan oleh penutur dan lebih bersifat ajakan, cadangan atau perintah.

Yang berikut dipaparkan pula contoh ujaran pengulangan kata bagi Domain Tindakan.

Contoh 5.19

MP 14

WL:U 85: Kita pakat bincang.

U 86: Kita pakat dengan mana kita boleh.

Domain Sifat pula merupakan himpunan kata/frasa yang melibatkan sifat atau rupa sesuatu perkara yang dirundingkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat 47 (18.8 %) jenis kata/frasa daripada Domain Sifat. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.20

MP 8

WL:U 108: Abang dia kata mengikut yang paling mudahlah.

WP:U 109: Ha...ikut yang paling mudah.

U 110: Kalau ikut yang paling mudah tu macam mana?

Dapatan kajian juga mendapati terdapat sebanyak 14 (5.6 %) jenis kata/frasa yang boleh digolongkan sebagai Domain Adat atau Tempat. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.21

MP 2

WL:U 85: Kalau Perak, dia ada merisik.

U 86: Hah...Perak.

U 87: Itu adat Perak kan!

U 88: Adat Perak tempat saya bekerja.

Pengulangan kata/frasa yang turut diulang terdapat dalam Domain Kiasan, memandangkan dalam rundingan pertunangan unsur kiasan menjadi salah satu strategi pertuturan da kalangan penuturnya. Terdapat sebanyak 10 (4.0 %) jenis kata/frasa dalam Domain Kiasan yang diulang. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.22

MP 5

WP:U 7: Sebelum perkara ini terjadi itu hari kita dah hantar apa, transmisi.

U 8: Transmisi, peninjau, semua dah sampai dah.

U 9: Peninjau pun kita dah tengok dua kali sampai ni.

Terdapat juga kata/frasa yang mempunyai maksud secara langsung dengan Islam yang turut diulang dalam rundingan pertunangan. Dapatan kajian mendapati terdapat 9 (3.6%) pengulangan jenis ini. Contohnya seperti yang berikut:

Contoh 5.23

MP 18

WL:U 24: Pertunangan adalah hari dikatakan hari mukaddimah.

U 25: Mukaddimah itu maksudnya pendahuluan.

U 26: Setiap itu dikatakan mukaddimah.

U 27: Maka perkahwinan disebut khitbah dalam bahasa Arab.

U 28: Panggilan khitbah, iaitu pertunangan.

U 29: Bukan khutbah.

U 30: Khutbah dalam bahasa Arab bermakna ucapan.

U 31: Khutbah Jumaat.

U 32: Khutbah Hari Raya.

Jenis kata/frasa yang merujuk kepada Domain Orang turut diulang. Dapatan menunjukkan 9 (3.6%) jenis kata/frasa ini diulang dalam rundingan pertunangan. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.24

MP 10

WL:U 21: Dan mintalah pihak perempuan...

U 22: Ha...keluarga pihak perempuan supaya berbincang dengan pihak keluarga Encik Ismail dan rombongan kami ni.

Dapatan kajian juga menemui pengulangan daripada lebih daripada satu domain yang berlaku serentak. Contoh ujaran yang berikut ialah pengulangan dua domain iaitu Domain Masa dan Domain Tindakan.

Contoh 5.25

WP:U 98: Dak lah, hari ni kita bincang yang nak hantar berapa dulu?

U 99: Nak beri berapa?

U 100: Beri ke tak beri?

WL:U 101: Hari ini?

WP:U 102: Ada bawa berapa?

WL:U 103: Hari ini?

U 104: Hari ini kita tak dak.

Pengulangan paling tinggi dalam Domain Wang dan Masa disebabkan kedua-dua domain merupakan aspek komponen terpenting yang memerlukan kejelasan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah faham. Salah faham dan kekeliruan mengenai wang belanja atau mas kahwin boleh mengancam muka pasangan yang bertunang dan keluarga masing-masing.

Dengan merujuk kepada semua pengulangan kata/frasa dapatlah irumuskan bahawa pengulangan mempunyai beberapa tujuan. Antaranya adalah untuk menunjukkan sokongan di samping memperteguh maklumat (Jamaliah Ali, 2000:116) seperti yang terdapat dalam Contoh 5.21 dan 5.23. Pengulangan juga didapati berlaku sebagai satu cara untuk mendapatkan pengesahan maklumat seperti dalam Contoh 5.18 (U:59). Pengulangan juga digunakan untuk melengahkan pertanyaan-pertanyaan yang hendak dikemukakan atau melengah-lengahkan jawapan yang kurang memenuhi kehendak sesuatu pihak. Ujaran-ujaran tersebut mengandungi unsur-unsur penolakan (Jamaliah Ali, 2000:144) seperti dalam Contoh 5.25. Pengulangan juga merupakan amalan dalam Islam, contohnya Rasulullah kerap mengulangi kata-katanya tiga kali sehingga difahami oleh orang lain (Imam Nawawi, 1984:783). Malahan beberapa surah di dalam Al-Quran kerap mengulangi beberapa ayat penting bagi menimbulkan kejelasan kepada pembaca, contohnya dalam surah ar-Rahman terdapat 31 kali pengulangan ayat yang bermaksud “Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?”.

5.1.5 Jenis Ayat

Kajian ini turut mengenal pasti bilangan dan jenis ayat yang digunakan oleh wakil sewaktu mengendalikan rundingan pertunangan. Jumlah ayat keseluruhannya dalam kajian ini tidak termasuk ungkapan-ungkapan Rabbani dalam bahasa Arab seperti “bismillah”, “alhamdulillah” dan “insya-Allah”. Dengan berdasarkan Jadual 5.10 didapati terdapat empat jenis ayat dalam rundingan pertunangan, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seru.

Jadual 5.11: Jenis Ayat Dalam Rundingan Pertunangan

Jenis Ayat	Bilangan	Peratusan
Penyata	2701	82.95 %
Tanya	354	10.88 %
Perintah	198	6.08 %
Seru	3	0.09 %
Jumlah	3256	100.0 %

5.1.5.1 Ayat Penyata

Daripada Jadual 5.11, didapati bahawa ayat penyata mempunyai bilangan yang tertinggi, iaitu sebanyak 2701 (82.95 %). Ayat penyata yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ayat yang diungkapkan untuk memberikan keterangan yang disebut juga sebagai ayat keterangan (Nik Safiah Karim et al, 1993:422).

Contohnya dapat dilihat menerusi ujaran yang berikut:

Contoh 5.25

MP 4

WP:U 22: Wang yang dihantar sebanyak dua ribu dua ratus lima puluh ringgit tertakluk selama enam bulan sahaja.

MP 10

WL:U 5: Saya bagi pihak rombongan lelaki, keluarga Encik Ismail ni dan anaknya yang apa nama Mohd Zan.

Ayat penyata dalam rundingan pertunangan didapati berperanan untuk memaklumkan beberapa aspek komponen pertunangan untuk dihebahkan kepada semua pihak. Ini merupakan perlakuan yang santun memandangkan tujuan majlis adalah untuk memaklumkan perkembangan proses perkahwinan pasangan kepada anggota keluarga.

5.1.5.2 Ayat Tanya

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ayat tanya mempunyai bilangan sebanyak 354 (10.88 %). Ayat tanya merupakan jenis ayat yang kedua tingginya yang terdapat dalam rundingan pertunangan. Ayat tanya diungkapkan sewaktu penutur mengemukakan pertanyaan sama ada dengan menggunakan kata tanya atau tanpa kata tanya (Nik Safiah Karim et al, 1993:42). Ayat tanya digunakan untuk mendapatkan penjelasan bagi mengelakkan sebarang kekaburan. Malahan, ayat tanya yang dikemukakan juga dapat menggantikan ayat perintah seperti contoh yang berikut.

Contoh 5.26

MP 14

WL:U 83: Buat apa lama-lama kan?

Ayat tanya tersebut berperanan menggantikan ayat perintah atau permintaan WL agar tempoh pertunangan tidak panjang. Ini merupakan satu cara yang digunakan oleh penutur dalam rundingan memandangkan perintah boleh menyebabkan ancaman muka di pihak pendengar.

Yang berikut ialah contoh ayat tanya untuk mendapatkan maklumat.

MP 1

WP:U 68: Bila tarikh tu dipersetujui?

MP 16

WL:U 53: Bila diperlukan untuk saya hantarkan?

MP 14

WP:U 84: Jadi nak berunding balik?

Contoh U:68 (MP 1) dan U:53 (MP 16) membolehkan pihak yang bertanya mendapat jawapan. Ini merupakan tujuan ayat tersebut, iaitu untuk mendapat maklumat. Manakala U:84 (MP 14) merupakan ayat tanya yang memberikan kebebasan atau alternatif kepada pihak yang menjawab sama ada untuk menidakkan atau mengiakan (Rogayah A.Razak dan Mashudi Kader, 1995:621).

5.1.5.3 Ayat Perintah

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ayat perintah yang digunakan dalam rundingan pertunangan adalah sebanyak 198 (6.08 %). Dalam rundingan pertunangan, ayat perintah muncul sewaktu penutur pertama mengajukan perintah kepada pihak kedua secara langsung ataupun menjadikan penutur kedua sebagai wakil untuk menerima perintah bagi pihak ketiga (keluarga dan pasangan yang

bertunang). Analisis menemui beberapa jenis ayat perintah ekskulsif halus yang terdiri daripada permintaan dan sapaan (Asmah Haji Omar, 1993:405). Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.27

MP 1

WP:U 144: Kalau boleh tu kursuslah.

MP 16

WP:U 116: Kira-kira tiga bulan lagi, hantar ke marilah, kepada tuan rumah ni.

Contoh yang dikemukakan dalam U:144 (MP 1) dan U:116 (MP 16) tersebut merupakan permintaan atau permohonan secara tidak langsung.

MP 8

WP:U 14: Jadi saya persilakan kepada pihak lelaki.

MP 12

WP:U 118: Jadi saya minta Encik Hasan terangkanlah apa yang akan diberi pada majlis nikah besok.

Contoh U:14 (MP 8) dan U:118 (M) 12 ialah ayat perintah berbentuk silaan.

Selain itu, kajian turut menemui ayat perintah eksklusif negatif yang berupa larangan. Contohnya adalah seperti yang berikut:

MP 5

WP:U 184: Jadi kita minta-minta jangan disengajakan.

MP 14

WL:U 119: Tapi, jangan kita reka kesalahan tu.

Dapatkan juga menunjukkan terdapat perintah inklusif dalam rundingan pertunangan. Antara perintah inklusif yang ditemui ialah ajakan. Contohnya adalah seperti yang berikut:

MP 10

WL:U 2: Terlebih dahulu sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T.

MP 18

WP:U 54: Dengan itu marilah berdoa bersama-sama agar disatukan keluarga Haslinda dengan Ami Akram dari Terengganu, biar panjang-panjangan.

Dengan berdasarkan contoh-contoh tersebut, adalah jelas bahawa ayat perintah yang ditemui dalam rundingan pertunangan ialah ayat perintah dari jenis halus yang berbentuk permintaan dan silaan, eksklusif negatif serta inklusif ajakan. Kesemua bentuk ayat perintah ini merupakan ayat-ayat yang santun dan halus

memandangkan perintah tersebut bukan dilakukan untuk kepentingan penutur, dan sama sekali tidak mengancam muka penutur. Di samping itu, perintah tersebut tidak pula menggugat atau mengancam muka pendengar memandangkan tindakan daripada perintah tersebut adalah demi kebaikan semua pihak terutama untuk kelancaran majlis pertunangan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa jenis ayat perintah halus digunakan bagi mencapai matlamat dengan cara yang santun dan ini merupakan kaedah yang positif (Ratna Inzah Mohd Asri, 1998:5).

5.1.5.4 Ayat Seru

Ayat seru paling sedikit digunakan, iaitu sebanyak tiga (0.09 %). Bolehlah dikatakan bahawa ayat seru tidak berperanan dalam rundingan pertunangan.

Contoh 5.28

MP 5

WL:U 103: Oh...lain, gitu pula ya!

MP 12

WP:U 61: Oh...cantik!

MP 12

WL:U 63: Eh...tak da!

Dapatkan tersebut menunjukkan perbezaan yang ketara antara ayat-ayat yang telah digunakan dalam rundingan pertunangan. Didapati ayat penyata jauh lebih

tinggi daripada ayat-ayat yang lain disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah rundingan pertunangan lebih bersifat sebagai satu majlis yang diadakan untuk mengesahkan beberapa aspek komponen pertunangan yang pada dasarnya telah dipersetujui sama ada dalam majlis merisik atau dalam rundingan awal. Memandangkan perundingan awal telah diadakan, kebanyakan perkara yang disentuh dalam rundingan hanya sekadar untuk menyatakan sahaja sebagai satu penghebahan dan pengesahan. Selain itu, dalam rundingan pertunangan, segala syarat dan keputusan dihebahkan menerusi wakil yang menjalankan sesi rundingan. Sehubungan itu, wakil sekadar menyatakan maklumat yang telah diputuskan oleh keluarga pasangan yang bertunang.

Ayat tanya yang digunakan dalam rundingan muncul sewaktu wakil meminta penjelasan maklumat oleh itu, ayat tanya mencatatkan jumlah yang sederhana tinggi dan ini menggambarkan unsur-unsur rundingan yang baik yang turut menjelaskan hubungan dua hala dalam rundingan. Ayat tanya juga berperanan untuk memberi peluang kepada pihak yang dilawan berunding sama ada untuk menyetujui atau menolak. Sehubungan itu, ayat tanya sesuai dalam rundingan kerana mampu mempertahankan muka peserta dalam rundingan, sama ada di pihak penutur atau di pihak sebelah yang berpeluang untuk membuat keputusan. Dalam B & L (1987:114), ayat tanya kerap muncul dalam strategi “avoid disagreement” apabila pihak yang dikemukakan dengan soalan dapat menolak sesuatu perkara secara tidak langsung.

Selain itu, ayat perintah yang ditemui sebanyak 6.07 % menunjukkan bahawa dalam rundingan pertunangan wakil cuba mengelakkan jenis ayat perintah

memandangkan ayat perintah mengancam muka pendengar. Ayat perintah yang ditemui dalam rundingan pertunangan semuanya ayat perintah halus yang terdiri daripada permintaan, silaan dan ajakan yang merupakan ayat perintah yang santun. Ayat seru paling sedikit bilangannya memandangkan sesi rundingan berada dalam suasana yang tenang yang penuh dengan nilai-nilai persaudaraan dan persefahaman. Gambaran emosi jarang ditunjukkan memandangkan wakil-wakil yang berunding telah bersedia dengan peranan masing-masing. Pendek kata, jenis ayat yang dipilih dan digunakan oleh wakil memainkan peranan penting dalam usaha menjaga muka semua pihak yang berada dalam majlis, lebih-lebih lagi muka pasangan dan keluarga yang bertunang.

5.1.6 Ganti Nama Diri Dan Panggilan

Kesantunan verbal juga ditentukan oleh penggunaan kata ganti nama diri dan panggilan. Orang Melayu kaya dengan himpunan kata ganti nama diri dan panggilan yang digunakan menurut kesesuaian masa dan keadaan. Penggunaan kata ganti nama diri dan panggilan yang tidak sesuai dalam rundingan boleh mencacatkan majlis. Analisis data terhadap kata ganti nama diri bagi kajian ini dibuat bagi memaparkan sifat sebenar penggunaannya dalam rundingan pertunangan. Dapatan tentang taburan jenis ganti nama diri dalam rundingan pertunangan ditunjukkan menerusi Jadual 5.12.

Jadual 5.12: Taburan Jenis Ganti Nama Diri Dalam Rundingan Pertunangan

Jenis Ganti Nama	Diri Pertama	Diri Kedua	Diri Ketiga	Jumlah
Bilangan Jenis	6 (37.50 %)	4 (25.00 %)	6 (37.50%)	16 (100.00%)

Dengan merujuk Jadual 5.12 didapati terdapat enam jenis ganti nama diri pertama (37.50%), empat jenis ganti nama diri kedua (25.00 %) dan enam jenis ganti nama diri ketiga (37.50 %) dalam rundingan pertunangan.

5.1.6.1 Ganti Nama Diri Pertama

Dapatan kajian menunjukkan terdapat enam jenis ganti nama diri pertama telah digunakan dalam rundingan pertunangan iaitu saya, kita, kami, aku, keme dan pihak perempuan atau pihak lelaki. Taburan penggunaan enam jenis kata ganti nama diri tersebut ditunjukkan menerusi Jadual 5.12.

Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan kata ganti nama diri pertama, iaitu “saya” dan “kita” telah digunakan oleh para wakil dalam semua rundingan (100.00 %) dan merupakan antara jenis ganti nama diri pertama yang tertinggi (29.23 %) dalam rundingan pertunangan.

Jadual 5.13: Taburan Ganti Nama Diri Pertama

Dalam Rundingan Pertunangan

Jenis Ganti Nama Diri Pertama	Bilangan Penggunaan
Saya	19 (100.00 %) 19 (29.23 %)
Kita	19 (100.00 %) 19 (29.23 %)
Kami	18 (94.73 %) 18 (27.69 %)
Pihak Perempuan/Lelaki	7 (57.89 %) 7 (10.76 %)
Keme	1 (5.2 %) 1 (1.53 %)
Aku	1 (5.2 %) 1 (1.53 %)
Jumlah Majlis Pertunangan (N)	19 (100.00 %)
Jumlah Ganti Nama Diri Pertama	65 (100.00 %)

Ganti nama diri “saya” digunakan khusus untuk merujuk diri penutur ketika menerangkan sesuatu yang merujuk diri atau pandangan penutur sendiri. Contoh seperti ujaran yang berikut:

Contoh 5.29

MP 9

WP:U 41: Saya rasa adat tu lebih kurang sama je lah.

MP 12

WP:U 7: Saya, Haji Hasanudin, nama saya.

Ganti nama diri “kita” juga telah digunakan dalam kesemua MP (100.00 %). Ganti nama diri “kita” kerap digunakan untuk merujuk kepada semua pihak

yang terlibat dalam majlis pertunangan, sama ada keluarga pasangan yang bertunang, hadirin dan termasuk wakil. Contohnya adalah seperti yang berikut:

MP 15

WP:U 10: Jadi kerja buat kita hari ini adalah kesinambungan daripada apa yang telah kita bincangkan sebelum ini.

MP 19

WP:U 150: Jadi ingkar daripada perjanjian kita pada hari ini.

Ganti nama diri “kami” pula telah digunakan dalam 18 MP (94.73 %) dan merupakan ganti nama diri pertama yang kedua tingginya (27.69 %). Ganti nama diri “kami” digunakan untuk merujuk kepada diri wakil dan keluarga yang diwakilinya. Ganti nama ini kerap muncul apabila wakil menyatakan sesuatu bagi pihak keluarga. Memandangkan tugas wakil dalam rundingan adalah untuk menyampaikan hasrat dan maksud keluarga pasangan yang bertunang, ganti nama “kami” adalah yang paling sesuai. Contoh adalah seperti yang berikut:

MP 6

WL:U 27: Yang keduanya kami ni bertanya pula macam mana gayanya adat di kampung di sini?

MP 11

WL:U 21: Jadi kami datang ni adalah dengan tujuan baiklah.

Kajian turut menemui penggunaan “pihak perempuan/lelaki” sebagai merujuk diri wakil dan anggota keluarga yang diwakilinya. Penggunaan “pihak perempuan/lelaki” menggantikan kata ganti nama diri seperti “kami” atau “saya”. Terdapat tujuh MP (57.89 %) yang telah menggunakan ganti nama tersebut dan merupakan jenis ganti nama ketiga tingginya (10.76 %). Contohnya adalah seperti yang berikut.

MP 2

WP:U 160: Bagi pihak perempuan sini menerimaIah sebagai tanda peminangan.

MP 2

WL:U 175: Jadi pihak lelaki kira minta setujulah dengan hantaran, hantaran dulu sebanyak lima ribu ringgit.

Manakala “keme” yang bermaksud “kami” yang digunakan di kalangan masyarakat Perak dan “aku” didapati dalam satu kes (5.2 %) dan merupakan jenis ganti nama diri pertama yang paling rendah dalam rundingan pertunangan (1.53 %). Contoh kedua- dua ganti nama diri tersebut adalah seperti yang berikut.

MP 9

WL:U 31: Inginlah juga keme menjelaskan.

MP 7

WL:U 1: Aku ni datang nak beritahu, budak jantan tu nak disatukan bulan depan.

Dapatan terhadap ganti nama “keme” dan “aku” yang rendah menunjukkan bahawa ganti nama seperti “aku” sama sekali ditolak memandangkan ganti nama “aku” dianggap kasar dan hanya digunakan bagi mereka yang bertutur dengan rakan akrab dan sebaya sahaja atau menggambarkan kuasa yang lebih kurang sama (Amat Juhari Moain, 1985:20). Begitu juga dengan ganti nama diri menurut dialek daerah seperti “keme”. Ini adalah kerana pasangan yang bertunang adalah dari daerah yang berlainan. Oleh itu, adalah tidak santun sekiranya wakil menggunakan dialek tempatan yang mungkin tidak difahami, sukar dimengertikan dan luar biasa kepada pasangannya. Dalam hal ini dapat dikatakan bahawa penggunaan ganti nama seperti “saya”, “kami” dan “kita” merupakan ganti nama diri pertama yang paling biasa dan diterima oleh semua golongan. Ganti nama tersebut bersifat hormat dan sehubungan itu ganti nama tersebut adalah santun (Asmah Haji Omar, 1993:81).

5.1.6.2 Ganti Nama Diri Kedua

Jenis ganti nama diri kedua berserta taburannya dapat dirujuk menerusi Jadual 5.13 seperti yang berikut.

Jadual 5.14: Taburan Ganti Nama Diri Kedua Dalam Rundingan Pertunangan

Jenis Ganti Nama Diri Kedua	Bilangan Penggunaan
Pihak Perempuan/Lelaki	11 (57.89 %) 11 (44.00 %)
Panggilan Hormat	9 (47.36 %) 9 (36.00 %)
Panggilan Keluarga	4 (21.05 %) 4 (16.00 %)
Nama Peribadi	1 (5.26 %) 1 (4.00 %)
Jumlah Majlis Pertunangan (N)	19 (100.00 %)
Jumlah Ganti Nama Diri Kedua	25 (100.00 %)

Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat jenis (25.00 %) penggunaan ganti nama diri kedua yang digunakan daripada keseluruhan jenis ganti nama diri dalam rundingan pertunangan.

Dengan merujuk Jadual 5.14 didapati bahawa penggunaan pihak perempuan atau pihak lelaki merupakan jenis yang tertinggi (44.00 %) berbanding kata ganti nama diri kedua yang lain dan jenis ini telah digunakan dalam 11 MP (57.89 %). Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 5.30

MP 9

WL:U 119: Pandangan daripada pihak perempuan kita nak dengarlah.

MP 16

WP:U 53: Minta pendapat pada pihak lelakilah, kemampuan lelaki.

Dalam ujaran-ujaran di atas, “pihak perempuan” dan “pihak lelaki” di situ berperanan sebagai ganti nama diri kedua memandangkan penutur merujuk hal tersebut kepada pihak yang dilawan bertutur.

Panggilan atau gelaran hormat seperti “Tuan Haji”, “Datuk”, “Tuan Imam”, “tuan” dan “saudara” didapati merupakan ganti nama diri kedua yang kedua tertinggi (28.0 %) dan terdapat dalam 7 MP (36.84 %). Yang berikut dipaparkan contoh bagi setiap satu jenis ganti nama diri kedua dengan panggilan hormat dalam rundingan pertunangan.

MP 2

WL:U 263: Yang Tuan Haji kata tadi dari segi cincin kan!

MP 18

U:679 WP: Tujuannya sudah pun diterangkan oleh Datuk tadi.

MP 1

WP:U 155: Begini encik, biar masa ni kita pergi booking dulu.

MP 2

WP:U 106: Kalau mengikut faktor-faktor yang sebenar, tuan terpaksa datang hari yang lain sebelum ini.

MP 16

WP:U 105: Macam saudara ni tadi bermaknanya ini tandanya lima ribu lima ratus lima puluh.

Ganti nama diri kedua yang menggunakan panggilan keluarga turut ditemui dalam empat MP (21.05 %) dan merupakan jenis yang ketiga tingginya (16.00 %). Antara panggilan keluarga yang terdapat ialah abang dan pak cik. Jenis ganti nama diri dengan panggilan keluarga penting dalam masyarakat Melayu disebabkan sistem hirarkinya yang tersendiri yang menentukan pangkat dan kedudukan dalam keluarga (Amat Juhari Moain, 1985:78). Contohnya adalah seperti yang berikut:

MP 6

U:1056 WP: Maka jumlah hantaran tu, saya minta abang cadangkanlah dulu, ha...

MP 9

WP:U 71: Saya difahamkan benda ni ikut rundinganlah antara pak cik.

Didapati ganti nama diri kedua yang merujuk terus kepada pasangan yang dilawan bercakap seperti “awak” atau “engkau” tidak pernah muncul dalam rundingan pertunangan.

Hasil kajian terhadap ganti nama diri kedua jelas menunjukkan terdapat unsur-unsur formaliti dan unsur intim dalam rundingan pertunangan. Hal ini jelas apabila penutur memilih panggilan hormat sebagai merujuk kepada pihak kedua. Penggunaan panggilan hormat seperti “Tuan Haji” atau “Datuk” dan sebagainya

yang berada dalam kelompok panggilan hormat merupakan penggunaan yang santun kerana menghormati sekatan-sekatan sosial di kalangan peserta rundingan (Asmah Omar, 1993:40). Selain itu, ganti nama diri kedua dirujuk kepada seluruh anggota keluarga yang mewakili pihak pasangan yang bertunang, sehubungan itu penggunaan “pihak perempuan” atau “pihak lelaki” adalah tinggi penggunaannya berbanding ganti nama diri kedua yang lain. Keintiman pula digambarkan menerusi panggilan keluarga seperti “Abang” dan “Pak Cik”.

5.1.6.3 Ganti Nama Diri Ketiga

Dapatan menunjukkan terdapat enam jenis (37.50 %) ganti nama diri ketiga telah digunakan. Keenam-enam jenis ganti nama diri ketiga berserta taburannya ditunjukkan dengan Jadual 5.15. Dengan merujuk Jadual 5.15, didapati bahawa panggilan keluarga adalah jenis ganti nama diri ketiga yang paling tinggi (28.81 %) dan telah digunakan dalam 17 MP (89.47%). Contohnya seperti yang berikut:

Contoh 5.31

MP 6

WP:U 68: Bapanya cakap mas kahwinnya tiga ribu seringgit.

MP 8

U:1308 WP: Beginilah, difahamkan tadi ya, difahamkan oleh Abang Jo kita tadi.

MP 15

WL:U 64: Pergilah terus kepada abang saya Haji Abd Rahman.

Jadual 5.15: Taburan Ganti Nama Diri Ketiga Dalam Rundingan Pertunangan

Jenis Ganti Nama Diri Ketiga	Bilangan Penggunaan
Panggilan Keluarga	17 (89.47%) 17 (28.81 %)
Nama Peribadi	16 (84.21 %) 16 (27.19 %)
Pihak Perempuan/Lelaki/Kedua-dua Pihak	13 (64.42 %) 13 (22.03 %)
Dia	4 (21.05 %) 4 (6.77 %)
Depa	4 (21.05 %) 4 (6.77 %)
Dema	2 (10.52 %) 2 (3.38 %)
Mereka	2 (10.52 %) 2 (3.38 %)
Beliau	1 (5.2 %) 1 (1.69 %)
Jumlah Majlis Pertunangan (N)	19 (100.00 %)
Jumlah Ganti Nama Diri Ketiga	59 (100.00 %)

Rujukan nama peribadi sebagai ganti nama diri ketiga digunakan dalam 16 MP (84.21 %) dan merupakan yang kedua tinggi (28.57 %). Hal ini lebih kerap terdapat sewaktu penutur memperkatakan tentang diri pasangan yang bertunang. Contohnya adalah seperti yang berikut:

MP 2

WP:U 251: Bagi pihak Suhaili, jadi hantaran enam ribu dan apa tu, sekali bawa hari nikah.

MP 14

WL:U 24: Maksud saya ni hantaran-hantaran sebagai orang lelakilah untuk dibawa kepada Asmah dan keluarganya.

Hal ini berbeza sekiranya penutur merujuk ibu bapa pasangan, maka penutur akan menyebut panggilan hormat berserta nama ibu bapa seperti “Tuan Haji Abd Rahman”, “Puan Hajah Habsah” dan sebagainya. Contohnya adalah seperti yang berikut:

MP 12

WP:U 82: Saya bagi pihak Tuan Haji Rosdi mengucapkan terima kasih.

MP 15

WL:U 20: Saya bagi pihak keluarga yang mewakili saudara saya Haji Abd Rahman, rasa sangat-sangat berbesar hati.

Rujukan kepada “pihak perempuan/lelaki” digunakan dalam 13 MP (64.42 %) dan merupakan jenis yang ketiga tingginya (23.22 %). Penggunaan “pihak perempuan/lelaki” adalah untuk menggantikan ganti nama diri ketiga yang merujuk kepada pasangan yang bertunang. Berikut ialah contohnya:

MP 8

WP:U 127: Sekiranya berlakulah kecacatan pada pihak lelaki.

MP 19

WP: U 180: Maknanya kalau mengaibkan, mencelakan pihak perempuan.

Manakala penggunaan “dia” dan “depa” masing-masing terdapat dalam empat MP (21.05 %) dan merupakan jenis keempat tingginya (7.14 %) dalam ganti nama diri ketiga.

MP 8

WP:U 186: Dia minta tempoh dalam masa setahunlah.

MP 13

U:2315 WP: Macam coklat depa buat.

U:2316 WP: Pandai depa.

Bagi penggunaan “mereka” dan “dema” hanya terdapat dalam dua MP (10.52 %) dan merupakan jenis yang paling kurang digunakan (3.57 %). Kedua-dua ganti nama ini digunakan ketika penutur merujuk kepada pasangan yang bertunang. Penggunaan “dema” digunakan di kalangan masyarakat Perak. Contohnya kedua-dua ganti nama tersebut adalah seperti yang berikut:

MP 6

WP:U 158: Maka bukan menambahkan keeratan tapi menambahkan bebanan kepada mereka.

WL:U 140: Sebab hari ni masih kita kabur-kabur lagi bila kita nak ijab kabulkan dema.

Panggilan keluarga didapati tinggi adalah kerana penggunaannya lebih santun memandangkan majlis pertunangan ialah majlis kekeluargaan. Dengan menggunakan panggilan keluarga, suasana majlis lebih bersifat intim dan mesra. Ini menunjukkan kebiasaan bagi orang Melayu membawa keluar panggilan keluarga daripada lingkungan keluarga sehingga orang luar dipanggil dengan panggilan kekeluargaan, semata-mata untuk menunjukkan kemesraan (Amat Juhari Moain, 1985:317).

Rujukan nama peribadi tanpa gelaran “cik” atau “encik” kepada pasangan yang bertunang disebabkan wakil ialah golongan yang lebih tua dan mempunyai kedudukan kinship yang kuat dalam keluarga pasangan yang bertunang. Hal ini berbeza sekiranya wakil merujuk kepada ibu bapa pasangan. Ini semua memaparkan sejauh mana faktor umur dan kedudukan persanakan menentukan sistem panggilan di kalangan masyarakat Melayu.

Penutur didapati juga menggunakan kata ganti nama diri “pihak perempuan” atau “pihak lelaki” untuk merujuk pasangan memandangkan peranan penutur hanya sebagai wakil yang mewakili pasangan yang bertunang. Penggunaan ini lebih sesuai dengan konteks majlis.

Dapatan menunjukkan penggunaan “dia” dan “mereka” adalah rendah walaupun kedua-dua ganti nama diri ketiga tersebut bermaksud merujuk kepada pasangan yang bertunang atau keluarga masing-masing. Dalam rundingan pertunangan, penggunaan tersebut untuk merujuk kepada keluarga pasangan yang bertunang adalah penggunaan yang kurang santun. Hal ini memandangkan penggunaannya agak umum dan tidak melambangkan keakraban dan kemesraan kalau dibandingkan dengan majlis pertunangan yang lebih bersifat kekeluargaan.

Begitu juga bagi penggunaan “depa” dan “deme” yang didapati rendah penggunaannya disebabkan ganti nama tersebut ialah dailek daerah yang kurang sesuai bagi masyarakat dari daerah lain. Namun begitu, penggunaannya mesra sekiranya digunakan di kalangan mereka yang datang dari daerah yang sama dan boleh diterima asalkan bersesuaian dengan suasana perbualan.

Dapatlah dikatakan bahawa penggunaan kata ganti nama diri dalam rundingan pertunangan begitu halus dan menggambarkan nilai-nilai kekeluargaan dan perkongsian. Nilai-nilai kekeluargaan dan perkongsian begitu jelas apabila kata ganti nama lebih banyak merujuk kepada unsur jamak seperti “kami”, “kita”. Manakala penggunaan “pihak perempuan” atau “pihak lelaki” yang berperanan mengantikan kata ganti nama diri pertama dan kedua menggambarkan bahawa penutur sebenarnya bukan berbicara secara peribadi dengan pasangannya, sebaliknya penutur ialah wakil yang bercakap bagi pihak keluarga. Oleh itu, penggunaan “pihak perempuan” dan “pihak lelaki” lebih sesuai dan lebih santun serta melambangkan permuafakatan keluarga. Demikian juga dalam penggunaan kata ganti nama diri kedua dan ketiga, panggilan hormat dan panggilan keluarga

berserta nama individu membangkitkan rasa kemesraan dan hormat di kalangan keluarga pasangan yang bertunang. Sesuai dengan pengendalian majlis pertunangan yang merupakan sebuah majlis yang melibatkan bilangan keluarga dan jiran yang banyak, unsur-unsur budaya kolektif jelas tergambar dalam penggunaan kata ganti nama diri yang tidak pernah membelaikan muka keluarga memandangkan kepentingan berkeluarga sangat diutamakan dalam Islam (Surah an-Nisa' ayat 1).

Analisis perlakuan verbal telah memaparkan beberapa perlakuan verbal yang diamalkan dalam rundingan pertunangan. Analisis terhadap perlakuan ambil giliran dan pasangan adjesensi menunjukkan bahawa wakil-wakil bersikap santun apabila tidak terdapat perlakuan memotong percakapan sebaliknya ambil giliran berlaku pada penanda-penandanya. Persambungan maklumat daripada seorang wakil kepada wakil yang berikutnya menjadikan suasana rundingan lancar, malahan tidak terdapat suasana senyap akibat pasangan adjesensi yang terhalang. Pengulangan dalam domain-domain utama menunjukkan bahawa penekanan diberikan terhadap perkara-perkara utama agar jelas bagi mengelakkan sebarang kecaburan dan salah tanggap terhadap maklumat. Penggunaan ganti nama diri jelas menunjukkan suasana keintiman, kemesraan dan kekeluargaan di samping suasana menghormati antara satu sama lain. Penggunaan ganti nama diri jamak didapati lebih kerap digunakan yang menunjukkan bahawa suasana rundingan berada dalam suasana "kekitaan".

5.2 Kesantunan Perlakuan Bukan Verbal

Dalam kajian ini, kesantunan orang Melayu turut dianalisis dari sudut perlakuan bukan verbal yang terdapat dalam struktur mikro. Antara perlakuan bukan verbal yang terdapat dalam rundingan pertunangan adalah seperti yang berikut:

5.2.1 Penggunaan Wakil

Kajian menunjukkan bahawa 100.0 % rundingan pertunangan (19 MP) dikendalikan oleh wakil yang dipilih oleh keluarga. Tidak terdapat pihak yang bertunang yang bercakap dalam rundingan pertunangan. Ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu urusan pertunangan bukan diuruskan sendiri oleh pihak yang bertunang. Pihak yang bertunang menyerahkan segala urusan kepada keluarga dan menjadi sesuatu yang memalukan sekiranya pihak yang bertunang bercakap sendiri untuk menyampaikan hasrat hatinya. Tindakan tersebut melanggar nilai dan norma kehidupan masyarakat Melayu dan akan mengancam muka sendiri dan muka keluarga.

Wakil dipilih berdasarkan beberapa kriteria. Antara kriteria terpenting ialah hubungan pasangan dengan wakil yang ditunjukkan menerusi Jadual 5.16. Dengan merujuk Jadual 5.16, didapati bahawa bilangan wakil utama adalah sebanyak 38 orang yang terdiri daripada 19 WP dan 19 WL. Dapatan ini menunjukkan bahawa kalangan keluarga merupakan pihak yang paling diutamakan dalam pemilihan wakil utama apabila terdapat sebanyak 25 orang wakil (65.79 %) terdiri di kalangan

anggota keluarga. Manakala wakil di kalangan bukan keluarga terdapat sebanyak 13 orang (34.21 %).

Jadual 5.16: Hubungan Wakil Dengan Pihak Yang Bertunang

Hubungan Wakil Dengan Pihak Yang Bertunang		Bilangan	Jumlah
Kalangan Keluarga	Bapa Saudara	18 (47.37 %)	25 (65.79 %)
	Bapa	4 (10.53 %)	
	Datuk	3 (7.89 %)	
Bukan Keluarga	Sahabat/Jiran terdekat	13 (34.21 %)	13 (34.21 %)
Jumlah Wakil Utama		38 (100.00 %)	38 (100.00 %)

Didapati bahawa bapa saudara ialah pihak yang paling diutamakan untuk mewakili keluarga dalam rundingan pertunangan apabila dapatan kajian menunjukkan terdapat sebanyak 18 orang wakil utama (47.37 %) terdiri di kalangan bapa saudara. Terdapat empat orang wakil (12.5 %) rundingan dikendalikan oleh bapa sendiri dan tiga orang wakil (7.89 %) di kalangan datuk.

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa bapa tidak kerap menjadi jururunding dalam rundingan pertunangan. Pihak bapa didapati lebih menyenangi melantik pihak lain untuk menjadi wakil dalam rundingan memandangkan segala keputusan daripada keluarga ialah keputusan bapa pihak yang bertunang. Sekiranya bapa sendiri yang menjadi jururunding, pihak bapa menganggap dirinya mewakili anaknya yang akan bertunang. Ini dapat dijelaskan menerusi contoh yang berikut:

Contoh 5.32

MP 14

WL:U 11: Sekadar untuk mendapatkan pertunangan antara anak saya yang bernama Mohd Nasir dengan anak Encik Zainol yang bernama Asmah.

MP 19

WP:U 33: Sama-sama berurusan untuk menyampaikan hajat anak saya ni.

Tinjauan mendapati beberapa alasan pihak bapa bercakap sendiri dalam rundingan. Antaranya ialah latar belakang bapa yang selama ini menjadi jururunding dalam pertunangan orang lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga daripada empat orang bapa yang bercakap sendiri dalam rundingan kerap dilantik sebagai jururunding dalam pertunangan anak buah mereka. Selain itu, peranan mereka yang besar dalam kepimpinan masyarakat di tempat tinggal mereka menyerlahkan keupayaan dan kebolehan mereka. Ini menyebabkan pihak lain berasa segan untuk mewakili mereka dalam mengendalikan rundingan pertunangan. Contohnya, dalam MP 14 dan MP 15, kedua-dua wakil ialah pemimpin masyarakat yang kerap menyampaikan ceramah dan syarahan kepada penduduk kampung. Manakala bapa dalam MP 19 ialah seorang jururunding pertunangan yang telah berpengalaman mengendalikan rundingan pertunangan sebanyak lebih daripada 20 majlis. Bapa dalam MP 12 ialah seorang pegawai eksekutif di syarikat Petronas. Ini menjelaskan bahawa latar belakang bapa yang kukuh menjadi satu ciri utama pihak bapa bercakap sendiri dalam rundingan pertunangan.

Penggunaan wakil di kalangan anggota keluarga terdekat didapati lebih kerap diamalkan. Wakil di kalangan datuk didapati terlalu kecil bilangannya disebabkan kebanyakannya pasangan yang bertunang sudah tidak mempunyai datuk kerana sudah meninggal dunia. Selain itu, keuzuran di kalangan datuk juga menjadi sebab datuk jarang menjadi wakil dalam rundingan. Hal ini dapat dilihat menerusi ujaran yang berikut:

MP 17

WL:U 11: Jadi atas nama cucu yang pertama kata orang, saya datang pada hari ni.

U 12: Dak badan pun dah letih.

U 13: Dah pakai tongkat dah.

Pemilihan wakil di kalangan bapa saudara adalah lebih kerap berlaku. Ini disebabkan bapa saudara ialah pihak yang terdekat dan waris terkuat bagi pihak yang bertunang. Hal ini dapat dirujuk menerusi ujaran yang berikut:

MP 13

WL:U 263: Jadi saya nak ucapkan terima kasih bagi pihak abang saya dan rombongan.

MP 17

WP:U 24: Saya, bapa saudara kepada Farah Fuad.

Selain itu, bapa saudara yang dipilih ialah di kalangan yang mempunyai kedudukan akademik yang baik, berwibawa, berkebolehan dan dihormati. Ini jelas menerusi pujian yang diberikan oleh WP terhadap WL dalam ujaran seperti yang berikut:

MP 13

WP:U 131: Jadi saya tengok dalam ucapan dia tadi pun cukup bernas.

U 132: Terkaku saya.

U 133: Lidah saya pun terkelu nak jawab.

U 134: Sebab bijaknya orang yang dihantar rombongan ni.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa di kalangan bukan anggota keluarga seperti jiran terdekat atau sahabat karib juga memainkan peranan sebagai wakil dalam rundingan pertunangan. Wakil di kalangan sahabat atau jiran dipilih berdasarkan kriteria hubungan persahabatan yang rapat dan dipercayai, dihormati di kalangan masyarakat setempat serta mempunyai kedudukan akademik, kerjaya dan jawatan yang baik. Contohnya seperti dalam ujaran yang berikut:

MP 11

WL:U 4: Terlebih dahulu saya bagi pihak kawan baik saya, Encik Sanat mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada tuan rumah, Tuan Haji.

MP 13

WP:U 88: Saya mewakili daripada tuan rumah.

U 89: Nama tuan rumah ni Tuan Haji Sani.

Hasil kajian terhadap peranan wakil menunjukkan bahawa penggunaan wakil menjadi satu peraturan khusus dalam majlis pertunangan. Sehubungan itu, majlis akan cacat dan pasangan serta keluarga akan mendapat malu sekiranya mengabaikan penggunaan wakil. Maka, penggunaan wakil ialah satu ciri yang menentukan kesantunan perlakuan bukan verbal dalam majlis pertunangan. Perlakuan menghantar wakil dalam rundingan telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah lagi, contohnya dalam perjanjian damai Hudaibiya (Muhammad Husain Haekal, 1995:387). Dapatan kajian menunjukkan semua wakil utama (100.0 %) terdiri daripada kalangan kaum lelaki. Ini merupakan satu perlakuan yang dipengaruhi oleh Islam, iaitu jantina yang menjadi antara ciri yang mempengaruhi kuasa. Islam menegaskan bahawa golongan lelaki ialah ketua dalam urusan kekeluargaan (Surah an-Nisa' ayat 34).

5.2.2 Cara Duduk

Dalam kajian ini, cara duduk wakil yang menjadi jururunding dan para hadirin yang menyaksikan rundingan dianalisis semasa rundingan pertunangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua rundingan pertunangan sebanyak 19 MP (100.0 %) dijalankan dalam keadaan wakil-wakil dan hadirin duduk di lantai. Tidak terdapat rundingan pertunangan yang dijalankan di meja rundingan. Ini menjelaskan bahawa rundingan yang dijalankan dengan para peserta dan hadirin duduk di atas lantai adalah sesuatu yang tekal dan diamalkan sama ada bagi orang Melayu di bandar ataupun di kampung.

Cara duduk bersila atau bertimpuh di atas lantai merupakan cara duduk orang Melayu sejak dahulu lagi. Rundingan yang diadakan dengan cara duduk di atas lantai turut melambangkan persamaan taraf dan sikap merendah diri. Cara duduk seperti bersila dan bertimpuh di kalangan orang Melayu seolah-olah sebatи bagi membezakan antara kaum lelaki dengan kaum perempuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada seorang pun kaum lelaki sama ada di kalangan wakil atau hadirin yang duduk bertimpuh. Ini menjelaskan bahawa cara duduk bersila adalah cara duduk lelaki. Manakala cara duduk bertimpuh adalah cara duduk kaum wanita. Sehubungan itu, kaum lelaki akan berasa terancam sekiranya duduk bertimpuh. Namun begitu, dapatan kajian mendapati ada di kalangan kaum wanita yang bertukar-tukar cara duduknya, iaitu daripada duduk bertimpuh kepada duduk bersila, dan begitulah seterusnya. Kaum wanita yang duduk dalam dua cara itu terdiri daripada wanita yang berumur memandangkan duduk bersila lebih selesa daripada duduk bertimpuh yang boleh menyebabkan seseorang berasa kebas dan sengal bahagian kaki akibat duduk bertimpuh terlalu lama.

Para hadirin duduk sebelah-menyebelah secara rapat-rapat yang menggambarkan keintiman dan kemesraan. Selain itu, duduk secara rapat-rapat merupakan perlakuan yang dituntut semasa orang Islam bersembahyang berjuma'ah, iaitu perlakuan merapatkan "saf". Maksud tersebut tidak tercapai sekiranya rundingan diadakan dengan cara duduk di kerusi.

Dapatan kajian juga menunjukkan posisi kedudukan wakil-wakil sewaktu sesi rundingan adalah berbeza-beza. Dapatan menunjukkan terdapat tiga posisi

kedudukan wakil-wakil dalam rundingan pertunangan. Ketiga-tiga posisi kedudukan dapat dijelaskan seperti yang berikut:

Penanda Yang Digunakan Dalam Gambar Rajah:

WP: Wakil Perempuan

WL: Wakil Lelaki


H: Hadirin

Dulang Hantaran: Barang-barang hantaran yang dibawa oleh rombongan lelaki

a) Wakil-wakil duduk bersebelahan dan bertentangan muka

Gambaran kedudukan wakil dalam posisi pertama ini dapat dirujuk menerusi rajah yang berikut:

Rajah 5.1: Posisi Pertama




Dapatan kajian menunjukkan posisi kedudukan wakil-wakil seperti rajah tersebut terdapat dalam lima 5 (26.31 %). Jarak kedudukan wakil adalah rapat dan

ini menyebabkan kebanyakan wakil berunding dalam kadar suara yang agak perlahan.

- b) Wakil-wakil duduk secara berhadapan dari sudut yang berbeza

Kedudukan tersebut digambarkan seperti di dalam rajah yang berikut:

Rajah 5.2: Posisi Kedua



Dapatan kajian menunjukkan bahawa posisi kedudukan wakil yang berhadapan tetapi dari sudut yang berbeza terdapat dalam 11 MP (57.89 %). Jarak antara wakil tidak terlalu dekat dan ini menyebabkan wakil berunding dalam kadar suara yang lebih tinggi. Posisi kedudukan wakil seperti ini membolehkan para hadirin mengikuti rundingan dengan jelas.

- c) Wakil Berhadapan Di Bucu Sudut


Kedudukan wakil dalam posisi tersebut dapat dijelaskan menerusi rajah yang berikut:



Gambar Foto 5.1: Wakil kedua-dua pihak sedang berunding

297b

Rajah 5.3: Posisi Ketiga



Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedudukan wakil dalam posisi kedudukan tersebut terdapat dalam 3 MP (15.78 %). Jarak antara kedua-dua wakil adalah rapat dan suara wakil ketika berunding agak perlahan.

Dapatan kajian menunjukkan kawalan suara wakil-wakil bergantung pada posisi kedudukan mereka. Sekiranya wakil-wakil duduk bersebelahan dan dalam jarak yang dekat, suara wakil tidak kuat. Ini menyebabkan kadang-kadang para hadirin tidak dapat mengikuti perkembangan rundingan. Walau bagaimanapun, jarak yang dekat itu merupakan suatus jarak yang intim dan mesra (Zainal Kling dalam Yaacob Harun, 2001:172).

Para hadirin yang turut serta dalam rundingan didapati lebih ramai terdiri daripada ahli rombongan lelaki. Dalam hal ini, kaum keluarga pihak perempuan sebagai tuan rumah akan memberikan ruang duduk kepada rombongan lelaki. Terdapat bilangan yang kecil di kalangan pihak perempuan yang turut berada di ruang tempat rundingan diadakan. Ini merupakan satu perlakuan bukan verbal yang santun apabila tuan rumah meraikan dan menghormati tetamu serta melayani



Gambar Foto 5.2: Satu lagi majlis rundingan sedang dijalankan

tetamu mereka dengan baik. Perkara ini pernah disebut di dalam sebuah hadith yang disampaikan oleh Ibnu Umar (Imam Nawawi, 1984:893) tentang keutamaan memberikan tempat duduk kepada orang lain yang baru datang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa posisi kedudukan wakil dan para hadirin turut menentukan tempat letaknya barang-barang hantaran. Dapatan menunjukkan bahawa barang-barang hantaran yang dibawa oleh pihak lelaki akan diletakkan di tengah-tengah ruang bilik. Ini membolehkan keluarga pihak perempuan melihat barang-barang tersebut dan juga sebagai penghormatan terhadap rombongan lelaki yang membawa barang-barang hantaran tersebut.

5.2.3 Ruang

Ruang yang digunakan untuk rundingan ialah ruang depan atau ruang tetamu yang luas. Kajian mendapati semua rundingan pertunangan (100.00%) diadakan di ruang depan yang merupakan antara ruang yang luas di rumah tersebut. Islam menegaskan kepentingan ruang untuk menjayakan sesuatu majlis, seperti yang pernah disabdakan oleh Rasulullah S.A.W. yang bermaksud “ Sebaik-baik tempat duduk –yakni majlis ialah yang terlebar-terluas ruangannya” (Imam Nawawi, 1984:896).

Bahagian duduk wanita agak terpisah dengan bahagian duduk lelaki walaupun berada di dalam ruang yang sama. Dalam semua majlis pertunangan, kaum lelaki yang mewakili rombongan lelaki dan kaum lelaki yang mewakili perempuan akan duduk di bahagian depan ruang tetamu. Manakala kaum wanita

akan duduk di bahagian belakang ruang tetamu. Walaupun tidak terdapat pengasingan tempat duduk secara khusus antara kaum wanita dengan kaum lelaki, tetapi kaum wanita akan memberikan ruang kepada pihak lelaki terlebih dahulu untuk mengisi ruang depan. Ini merupakan satu perlakuan yang santun menurut budaya Melayu yang mengutamakan golongan lelaki dalam sesuatu pengurusan. Sekiranya ruang bilik tetamu kecil, kaum wanita didapati masuk ke ruang dapur. Aturan duduk berdasarkan jantina yang membenarkan kaum wanita melepas sehingga ke ruang dapur adalah satu kebiasaan di kalangan masyarakat Melayu memandangkan kaum wanita dikenali sebagai “orang dapur” manakala kaum lelaki sebagai “orang anjung”. Dalam hal ini, adalah suatu perlakuan yang santun apabila kaum wanita memberikan ruang depan kepada golongan lelaki, sebaliknya adalah tidak santun sekiranya golongan lelaki mengambil tempat duduk di bahagian belakang berdekatan dapur. Hal ini adalah kerana Orang Melayu turut memberatkan ruang peribadi dan ruang sosial (Zainal Kling dalam Yaacob Harun, 2001:181). Sehubungan itu, ruang dalam sesuatu majlis seperti rundingan pertunangan turut diberikan perhatian.

Sewaktu rundingan diadakan, pihak gadis yang ditunangkan tidak berada di ruang rundingan. Dapatan kajian menunjukkan gadis dalam semua MP sebanyak 19 (100.0 %) berada di dalam bilik tidur sewaktu rundingan pertunangan dijalankan dan ini ialah kesantunan perlakuan bukan verbal. Dalam masyarakat Melayu, anak gadis dididik agar sentiasa berhati-hati dalam sebarang tindakannya. Anak gadis tidak dibenarkan menunjukkan perlakuan yang bebas dan menayang diri di khalayak ramai, terutama di depan rombongan yang datang meminangnya. Selain itu, rundingan pertunangan ialah rundingan di kalangan orang dewasa, oleh itu



Gambar Foto 5.3: Tetamu lelaki memenuhi ruang depan sementara tetamu perempuan memenuhi ruang belakang.

adalah suatu perlakuan yang santun sekiranya orang muda seperti gadis tidak berada di ruang rundingan. Pihak gadis juga sama sekali dilarang mengikuti rundingan tersebut seperti pepatah Melayu kerap menyebut “Jangan mendengar cerita orang tua”. Peraturan tersebut menyebabkan anak gadis berasa malu melanggar peraturan tersebut dan pelanggaran peraturan tersebut boleh mengancam citra diri awam gadis dan keluarganya. Perlakuan anak gadis dikawal agar terbina peribadinya yang santun, pemalu halus gerak gerinya (Norazit Selat, 1996:212).

5.2.4 Ekspresi Muka

Dalam rundingan pertunangan ekspresi muka turut memainkan peranan sebagai perlakuan bukan verbal dalam memastikan hubungan yang mesra dan intim. Dapatkan menunjukkan wujud beberapa ekspresi muka terpapar di wajah wakil dan hadirin. Ekspresi muka itu bergantung pada suasana rundingan serta perlakuan verbalnya. Antara ekspresi muka yang dikesan adalah seperti yang berikut:

5.2.4.1 Senyuman

Dapatkan kajian menunjukkan senyuman ialah ekspresi muka yang paling kerap digambarkan oleh semua pihak yang turut serta dalam rundingan pertunangan. Wakil-wakil yang menjadi jururunding didapati saling bermesra dan ini diiringi dengan senyuman. Para hadirin yang turut menyaksikan proses rundingan akan turut serta tersenyum dan ketawa sekiranya wakil menyelitkan unsur-unsur kecindan di dalam dialognya. Tindak balas tersebut terdapat dalam

semua majlis rundingan. Contohnya apabila wakil menggunakan strategi kecindan sewaktu berunding seperti ujaran yang berikut:

Contoh 5.33

MP 5

WP: U 872: RM apa pun tak tau apa benda la.

U 873: Roti Mamak ka, apakah?

MP 18

WP: U 2915: Nanti saya berdikir barat pula, hah...susah pula.

Dalam ujaran-ujaran tersebut, para hadirin didapati tersenyum dan tertawa yang menggambarkan suasana kemesraan dan keceriaan. Sehubungan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam rundingan pertunangan, keupayaan wakil sebagai jururunding mempengaruhi ekspresi muka semua pihak. Ini disebabkan pada waktu tersebut semua pihak sedang memberikan tumpuan terhadap rundingan. Lebih kerap wakil berseloroh atau berjenaka, maka keraplah ekspresi senyuman dapat dilihat di wajah para hadirin. Ini turut menggambarkan bahawa hadirin menyenangi suasana yang demikian. Paparan senyuman mampu membina bibit-bibit kemesraan dan ini turut dipentingkan dalam Islam seperti sabda Rasulullah S.A.W "...andaikata engkau bertemu saudaramu dengan menunjukkan wajah yang manis atau berseri-seri tanda bersukacita ketika bertemu itu." (Imam Nawawi, 1984:782). Sehubungan itu, kemampuan mewujudkan suasana yang penuh dengan wajah-wajah yang tersenyum merupakan tindakan yang santun, dan mereka yang

bertindak balas positif serta memaparkan senyuman juga berada dalam perlakuan yang santun.

5.2.4.2. Serius

Ekspresi muka yang serius dimaksudkan sebagai air muka yang sedang menumpukan perhatian terhadap rundingan dan bukan ekspresi serius yang menggambarkan ketegangan. Para wakil dan hadirin memaparkan ekspresi muka serius sewaktu membincangkan perkara-perkara yang penting. Orientasi mata tertumpu ke arah muka wakil yang sedang menjalankan rundingan. Dalam suasana ini, kaum lelaki yang didapati duduk berdekatan dengan pihak wakil lebih menumpukan perhatian berbanding kaum wanita yang duduk di jarak agak jauh yang adakalanya memerhati ke arah kaum wanita yang sedang menyediakan hidangan di dapur. Dalam suasana begini, ekspresi muka kaum wanita lebih kerap bertukar daripada serius kepada senyuman sewaktu memandang ke arah wanita di dapur.

Ekspresi muka yang serius sewaktu mengikuti rundingan menandakan bahawa tumpuan diberikan terhadap rundingan dan wakil yang sedang berunding sedar bahawa setiap aspek komponen yang sedang dirundingkan menerima perhatian. Dalam hal ini, muka positif wakil sebagai jururunding dipertahankan dan ini merupakan perlakuan yang santun kerana memberikan perhatian terhadap pihak yang sedang bercakap. Ekspresi serius yang menggambarkan ketegangan dan perasaan tidak menyenangi terhadap sesuatu perlu dielakkan. Ini jelas dengan pernyataan yang dibuat oleh salah seorang wakil dalam rundingan apabila

mendapati ada pihak yang bermasam muka kerana agak kecewa dengan kelewatian ketibaan rombongan lelaki.

MP 12

WP:U 90: Jadi kita bila bermesra macam ni janganlah kita serius sangat dalam pertunangan ni.

U 91: Atau pun esok masa nak menikah.

U 92: Ini adalah hari yang baik untuk kedua-dua keluarga.

5.2.4.3. Ekspresi Keliru

Dapatan kajian menunjukkan bahawa adakala timbul kekeliruan dalam rundingan. Pada waktu ini wakil kurang berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh pihak sebelah sama ada disebabkan perkara yang disebut kurang jelas atau perkara yang disebut tidak memuaskan hatinya. Ekspresi ini digambarkan apabila mata wakil akan tertumpu ke arah wakil sebelahnya dengan sedikit kedutan pada dahinya. Ekspresi muka begini jarang terdapat dalam rundingan dan muncul sekali-sekala bergantung pada aliran rundingan. Ekspresi ini dalam rundingan adalah perlakuan bukan verbal yang santun kerana mendorong penutur untuk memberi penjelasan dan dengan itu setiap perkara yang dirundingkan difahami dan tidak berlaku kekeliruan pada masa kemudian. Contohnya, ekaspresi muka keliru terdapat dalam ujaran-ujaran yang berikut:

MP 2

WL: U 89: Jadi saya tak tahu macam mana sebenarnya?

WP: U 90: Jadi tak faham, maksud?

WL: U 91: Perkara tu tadi saya faham.

U 92: Bergantung pada majlis lain.

U 93: Dia kata ada perjanjian, macam mana?

U 94: Jadi dengan ini saya tak dapat, saya rasa secara mendalam.

Ekspresi ini merupakan ekspresi muka sementara. Apabila wakil berjaya menyelesaikan kekeliruan suasana rundingan kembali ceria dan ekspresi muka akan berubah.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat ekspresif negatif yang berpanjangan sehingga menjelaskan majlis. Setiap pihak cuba memaparkan ekspresi muka yang menggambarkan emosi dan sikap yang gembira. Ini merupakan salah satu perlakuan bukan verbal yang harus dikawal oleh setiap individu yang turut serta dalam rundingan pertunangan bagi memastikan majlis berjalan lancar dengan jayanya.

5.3 Kesimpulan

Hasil kajian telah jelas membuktikan bahawa perlakuan verbal dan bukan verbal di kalangan orang Melayu banyak dipengaruhi oleh faktor budaya dan agama. Analisis kesantunan perlakuan verbal yang dipaparkan menerusi ambil giliran menunjukkan perlakuan yang santun apabila penutur yang berikut

mengambil giliran pada penandanya yang sesuai. Dapatan menunjukkan terdapat enam penanda ambil giliran dan bentuk penanda yang tertinggi ialah Ujaran Lengkap Penyata sebanyak 405 (56.18 %). Ini bererti tidak wujud suasana memotong percakapan. Hal tersebut mempengaruhi fenomena terhadap pasangan adjesensi yang mengelakkan suasana senyap atau ciri-ciri perselisihan antara wakil. Unsur pengulangan berlaku terhadap domain-domain utama seperti Domain Wang yang merupakan Domain tertinggi dalam pengulangan dengan jumlah frasa yang diulang sebanyak 59 (23.6 %) daripada keseluruhan jumlah 250 frasa. Fokus rundingan terhadap beberapa aspek komponen utama mempengaruhi jenis ayat. Ayat penyata menunjukkan bahawa rundingan lebih tertumpu kepada aktiviti penghebahan dan pengesahan aspek komponen pertunangan. Ayat penyata menjadi jenis ayat terbanyak digunakan dengan jumlah sebanyak 2701 (82.95 %) daripada jumlah keseluruhan 3256 unit ayat. Penggunaan kata ganti nama dan panggilan yang terdapat dalam rundingan pertunangan menunjukkan ciri-ciri kesantunan apabila ganti nama jamak lebih kerap digunakan sama ada dalam ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Islam menegaskan kepentingan memanggil seseorang dengan panggilan yang baik (Surah al-Hujaraat ayat 11).

Analisis terhadap perlakuan bukan verbal di kalangan orang Melayu pula telah membuktikan keutamaan orang Melayu terhadap penggunaan wakil, cara duduk, ruang sosial dan ekspresi muka sewaktu rundingan adalah antara perlakuan yang menepati dengan ajaran Islam. Dalam perlakuan bukan verbal, jantina juga adalah penentu dalam sebarang perlakuan. Dapatan menunjukkan semua MP menghantar kaum lelaki sebagai wakil dan wakil dipilih berdasarkan keakrabannya dengan keluarga. Cara duduk dan ruang duduk turut memaparkan perbezaan

jantina. Ini menunjukkan penekanan terhadap prinsip malu dan maruah diri. Ciri-ciri keintiman dan kemesraan merupakan perkara-perkara yang turut menyumbang kepada perlakuan bukan verbal.